



P A N D U A N P E N Y A T A

KEWANGAN KOPERASI

ISI KANDUNGAN

GP23 : GARIS PANDUAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI (PINDAAN) 2020

3

BAHAGIAN A: PENGENALAN

- Tujuan
- Tafsiran
- Latar Belakang

4

4

4

4-5

BAHAGIAN B: TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA

- Peruntukan Perundangan

7

8

BAHAGIAN C: PIAWAIAN PELAPORAN PERAKAUNAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI

9-10

BAHAGIAN D: PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

- Persembahan Saksama
- Pematuhan Piawaian Pelaporan Perakaunan dan Keperluan Perundangan
- Usaha Berterusan
- Kekerapan Pelaporan
- Ketekalan Persembahan
- Maklumat Perbandingan
- Materialiti
- Prinsip Utama Pendedahan Maklumat
- Penyata Kewangan Koperasi

11

12

12

12

12

13

14

14

14

15-26

BAHAGIAN E: KEPERLUAN PENDEDAHAN BUTIRAN DAN MAKLUMAT KHUSUS

- Kunci Kira-Kira
- Akaun Pembahagian Keuntungan
- Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
- Nota-Nota Kepada Akaun

27

28-36

37

37

37-38

BAHAGIAN F: KEPERLUAN KHUSUS DAN PENGECUALIAN

- AM
- Pembatalan, Pemakaian dan Tarikh Kuatkuasa

39-43

44

44

LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Kunci Kira-Kira
- Lampiran 2 - Akaun Pembahagian Keuntungan
- Lampiran 3 - Akaun Untung Rugi
- Lampiran 4 - Penyata Aliran Tunai
- Lampiran 5 - Nota-Nota Kepada Akaun

45

46-48

49-58

59-62

63-64

65-69

GP2 : GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH KOPERASI (PINDAAN) 2012	71-81
GP22 : GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAYARAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	83-91
PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2009 Panduan Mengenai Penyenggaraan Kumpulan Wang Rizab Statutori	93-95
PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2011 Penggunaan Kumpulan Wang Rizab Statutori Bagi Pembayaran Syer Atau Yuran Anggota Di Bawah Perenggan 57(18)(A) Akta Koperasi 1993	97-102
PEKELILING BILANGAN 2 TAHUN 2011 Penerbitan Syer Bonus Daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Perenggan 57(1b)(B) Akta Koperasi 1993	103-107
SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2014 Kemasukan Maklumat Kewangan Teraudit Ke Dalam Modul Kewangan Sistem Aplikasi Online Suruhanjaya Koperasi Malaysia	109-111
ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2019 Arahan Mendeposit Ke Dalam Akaun Deposit Koperasi	113-114
ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2021 Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	115-116
ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2021 Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	117-118
ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2021 Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori	119-120

GP23 : GARIS PANDUAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI (PINDAAN) 2020

BAHAGIAN A: PENGENALAN

- Tujuan
- Tafsiran
- Latar Belakang





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



GP23 : GARIS PANDUAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI (PINDAAN) 2020

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah peruntukan seksyen 86B Akta Koperasi 1993 bertujuan bagi menetapkan bentuk dan kandungan penyata kewangan, piawaian perakaunan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan supaya selaras dengan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993;

“**penyata kewangan**” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

LATAR BELAKANG

3. Tujuan pelaporan penyata kewangan sesebuah koperasi adalah untuk menyediakan maklumat yang berguna mengenai kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai sesebuah koperasi kepada pelbagai pengguna untuk membuat keputusan ekonomi dan tindakan berasaskan kepada mana-mana perundangan yang berkaitan. Penyata kewangan juga menunjukkan hasil tadbir urus dan pengurusan sumber koperasi yang telah diamanahkan kepada anggota Lembaga koperasi tersebut.

4. Di Malaysia, penetapan piawaian perakaunan bagi pelaporan penyata kewangan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997. Dalam hal ini, MASB telah mengeluarkan dua bentuk piawaian tersebut iaitu:

- (a) piawaian pelaporan perakaunan bagi institusi yang perlu melaporkan kepada atau dikawal selia di bawah Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham beserta dengan subsidiarinya, syarikat sekutunya dan syarikat usaha samanya. Piawaian pelaporan perakaunan ini dipanggil sebagai *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*; dan

- (b) piawaian pelaporan perakaunan yang dipanggil *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)* khusus bagi entiti persendirian. Maksud entiti ini yang ditakrif di bawah Akta Syarikat 2016 ialah:-
- (i) entiti yang tidak perlu melapor kepada badan seliaan seperti di para (a); dan
 - (ii) entiti itu bukan subsidiari atau syarikat sekutu atau *jointly controlled* (syarikat usaha sama) kepada entiti yang tertakluk di bawah seliaan badan seperti di para (a).

5. Selaras dengan Perkara 7, Jadual seksyen 86B Akta, Suruhanjaya boleh menetapkan bentuk dan kandungan penyata kewangan, piawaian perakaunan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan.

6. Sehubungan itu, GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 ini telah mengambil kira perkembangan dan perubahan dalam piawaian perakaunan yang digunapakai di Malaysia serta keperluan untuk menyeragamkan pelaporan kewangan koperasi bertujuan untuk memudahkan perbandingan atau pengukuran prestasi gerakan koperasi dengan sektor lain terutama sektor perusahaan kecil dan sederhana.



BAHAGIAN B: TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA

- Peruntukan Perundangan



BAHAGIAN B: TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

7. Akta telah mempertanggungjawabkan anggota Lembaga koperasi dalam penyediaan penyata kewangan. Subseksyen 58(3) Akta memperuntukan, koperasi dikehendaki menyediakan dengan seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lewat daripada dua (2) bulan selepas tamatnya setiap tahun kewangan, akaun perdagangan dan untung rugi dan kunci kira-kira beserta dengan apa-apa dokumen lain bagi maksud pengauditan.
8. Seterusnya mengikut subseksyen 59(5) Akta, koperasi bertanggungjawab untuk membentangkan dalam mesyuarat agung tahunannya penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama tentang kedudukan hal-ehwal koperasi itu dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada.
9. Subperaturan 31(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 menghendaki koperasi menyediakan penyata kewangan dalam bentuk yang ditentukan oleh Suruhanjaya.



BAHAGIAN C: PIAWAIAN PELAPORAN PERAKAUNAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI



BAHAGIAN C: PIAWAIAN PELAPORAN PERAKAUNAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI

10. Koperasi mempunyai pilihan untuk menggunakan piawaian pelaporan perakaunan MFRS atau MPERS tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan. Walau bagaimanapun, bagi co-opbank, ia hendaklah menggunakan MFRS sepenuhnya seperti yang dikehendaki oleh GP11: Garis Panduan Penubuhan Dan Pengendalian Co-opbank (Pindaan) 2019. Penggunaan piawaian perakaunan hendaklah secara tekal dan menyeluruh (*consistent and entirety*).

11. Walau bagaimanapun, Koperasi hendaklah mematuhi keperluan pendedahan seperti berikut:

- (a) **Bahagian D** - Pelaporan Penyata Kewangan Yang Seragam
- (b) **Bahagian E** - Keperluan Pendedahan Butiran Serta Maklumat Khusus
- (c) **Bahagian F** - Keperluan Khusus Dan Pengecualian



BAHAGIAN D: PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

- Persembahan Saksama
- Pematuhan Piawaian Pelaporan Perakaunan dan Keperluan Perundangan
- Usaha Berterusan
- Kekерapan Pelaporan
- Ketekalan Persembahan
- Maklumat Perbandingan
- Materialiti
- Prinsip Utama Pendedahan Maklumat
- Penyata Kewangan Koperasi
 - >> Kunci Kira-Kira
 - >> Akaun Pembahagian Keuntungan
 - >> Akaun Untung Rugi dan Akaun Perdagangan
 - >> Penyata Aliran Tunai
 - >> Nota-Nota Kepada Akaun



BAHAGIAN D: PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

Persembahan Saksama

12. Penyata kewangan koperasi hendaklah dipersembahkan dengan saksama dalam memberi gambaran sebenar mengenai kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai koperasi selaras dengan peruntukan subseksyen 59(5) Akta. Persembahan yang saksama memerlukan kenyataan benar terhadap kesan setiap transaksi, peristiwa lain dan keadaan yang berhubung dengan definisi dan kriteria pengiktirafan aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dinyatakan dalam piawaian perakaunan yang digunakan (sama ada MFRS atau MPERS). **Persembahan pelaporan hendaklah disediakan dalam Bahasa Melayu.**

Pematuhan Piawaian Pelaporan Perakaunan Dan Keperluan Perundangan

13. Pelaporan penyata kewangan koperasi hendaklah mendedahkan pematuhan bagi perkara berikut:
- (a) Pematuhan kepada piawaian perakaunan yang digunakan;
 - (b) Pematuhan kepada keperluan khusus dan pengecualian mengikut Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan; dan
 - (c) Sebarang ketidakpatuhan kepada piawaian perakaunan selain daripada keperluan khusus dan pengecualian yang dibenarkan hendaklah disediakan pendedahan berkenaan jenis dan sifat ketidakpatuhan, termasuk justifikasi ketidakpatuhan.

Usaha Berterusan

14. Penyata kewangan perlu disediakan berasaskan usaha berterusan melainkan Lembaga koperasi bercadang sama ada untuk membubarkan koperasi atau menamatkan perdagangan atau tidak ada alternatif yang realistik melainkan berbuat demikian. Apabila penyata kewangan tidak disediakan berasaskan usaha berterusan, fakta tersebut perlu didedahkan (dalam Nota-Nota Kepada Akaun) bersama-sama dengan asas yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan dan penjelasan mengapa koperasi tidak dianggap sebagai suatu entiti usaha berterusan.


Kekerapan Pelaporan

15. Mengikut subseksyen 59(1) Akta, koperasi hendaklah menyediakan penyata kewangan yang lengkap secara tahunan. Bagi koperasi yang baharu didaftarkan, tempoh tahun kewangan pertama adalah tidak lewat daripada 18 bulan selepas pendaftarannya sepertimana kehendak subseksyen tersebut. Penyata kewangan hendaklah disediakan untuk diaudit **sekurang-kurangnya setahun sekali** bagi satu (1) tempoh tahun kewangan seperti mana kehendak subseksyen 60(1) Akta.

16. Apabila tempoh pelaporan berubah dan penyata kewangan disediakan bagi tempoh yang lebih panjang (lebih dari 12 bulan) atau pendek (kurang dari 12 bulan) akibat pindaan Undang-undang Kecil koperasi, koperasi hendaklah menyediakan pendedahan berkenaan perubahan tersebut dalam Nota-Nota Kepada Akaun.

Sebagai contoh, Koperasi ABC Berhad telah meminda tahun kewangannya daripada tempoh berakhir 30 Jun (1 Julai hingga 30 Jun) kepada 31 Mac (1 April hingga 31 Mac) dan permohonan pindaan Undang-undang Kecilnya telah didaftarkan pada 13 Jun 2019. Manakala akaun terakhir diaudit ialah 30 Jun 2018.

Gambaran pindaan tahun kewangan adalah seperti berikut:



Dalam situasi ini, koperasi perlu menyediakan penyata kewangan berakhir 30 Jun 2019 (1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2019) dan diikuti dengan penyata kewangan berakhir 31 Mac 2020 (1 Julai 2019 hingga 31 Mac 2020) iaitu tempoh sembilan (9) bulan supaya pembentangan penyata kewangan dapat mematuhi kehendak subseksyen 59(1) Akta.

Ketekalan Persembahan

17. Koperasi hendaklah memastikan pelaporan dan klasifikasi dalam penyata kewangan adalah tekal dari satu (1) tahun ke tahun berikutnya, kecuali:

- (a) Perubahan ketara dalam sifat operasi atau keperluan perubahan pelaporan/klasifikasi yang lebih bersesuaian; atau
- (b) Keperluan perubahan mengikut piawaian perakaunan atau perundangan.

Sebarang perubahan persembahan hendaklah dibuat pendedahan berkenaan sifat klasifikasi semula, amaun setiap item atau kelas yang diklasifikasi semula dan alasan klasifikasi semula.

Maklumat Perbandingan

18. Koperasi hendaklah menyediakan maklumat perbandingan berkaitan tempoh terdahulu bagi semua amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Koperasi juga hendaklah menyatakan maklumat perbandingan naratif dan keterangan apabila bersesuaian untuk kefahaman pelaporan penyata kewangan tahun semasa.

Angka perbandingan hanya dibenarkan dinyatakan semula (*restated*) bagi pelarasan tahun terdahulu yang tidak melibatkan keuntungan terkumpul dan hendaklah dirujuk kepada Bahagian F, Para 60.12 Pelarasan Tahun-Tahun Terdahulu.

Materialiti

19. Koperasi hendaklah melaporkan secara berasingan bagi setiap kelas atau item serupa yang **material**. Maklumat boleh disifatkan sebagai material jika ia tertinggal (*omission*) atau disalahnyata (*misstatement*) yang mana boleh mempengaruhi keputusan hal ekonomi oleh pengguna maklumat itu berdasarkan penyata kewangan koperasi.

Prinsip Utama Pendedahan Maklumat

20. Koperasi hendaklah mematuhi prinsip utama berkaitan pendedahan maklumat yang berikut:

- (a) Maklumat hendaklah tepat pada masa dan terkini, mengelak dari penundaan yang boleh memberi kesan ke atas kepentingan maklumat yang perlu didedahkan;
- (b) Skop dan kandungan maklumat yang didedahkan serta butiran hendaklah mencukupi bagi memberikan maklumat yang lengkap, berguna dan berkaitan;
- (c) Kecukupan pendedahan hendaklah disediakan bagi perkara yang tidak pasti, terutama maklumat berkaitan anggaran utama, andaian dan kebarangkalian yang digunakan; dan
- (d) Pendedahan hendaklah membolehkan perbandingan mengikut masa dan antara koperasi/industri.

Penyata Kewangan Koperasi

21. Penyata kewangan koperasi yang lengkap hendaklah terdiri daripada penyata berikut:

- (a) Kunci Kira-Kira;
- (b) Akaun Pembahagian Keuntungan;
- (c) Akaun Untung Rugi dan Akaun Perdagangan;
- (d) Penyata Aliran Tunai; dan
- (e) Nota-Nota Kepada Akaun.

Keperluan minimum persembahan penyata kewangan hendaklah mengikut format dan terminologi seperti ketetapan garis panduan ini.

KUNCI KIRA-KIRA

22. Kunci Kira-Kira (Penyata Kedudukan Kewangan) melaporkan kedudukan aset, liabiliti dan kumpulan wang koperasi pada tarikh khusus iaitu tarikh akhir tempoh pelaporan kewangan. Keperluan minimum pelaporan kunci Kira-Kira dan contoh persembahan mengikut butiran kod hendaklah merangkumi penyenaraian item bagi akaun seperti di **Lampiran 1** (yang mana berkaitan dengan akaun koperasi).

23. Butiran kod yang dimaksudkan di atas adalah sebagai panduan untuk memudahkan proses kemasukan maklumat kewangan di Sistem Perkhidmatan Dalam Talian - Modul Kewangan Koperasi.

24. Persembahan Kunci Kira-Kira hendaklah dibuat pengasingan klasifikasi bagi aset semasa dan bukan semasa, liabiliti semasa dan bukan semasa.

25. Aset hendaklah diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia memenuhi kriteria berikut:

- (a) Aset akan direalisasikan, atau akan dijual atau digunakan, dalam pusingan operasi normal koperasi;
- (b) Aset dipegang dengan tujuan utama untuk perdagangan;
- (c) Aset dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- (d) Aset adalah tunai atau kesetaraan tunai, kecuali jika penukaran atau penggunaannya dihadkan bagi menyelesaikan liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Aset lain hendaklah diklasifikasikan sebagai bukan semasa. Apabila pusingan operasi normal koperasi tidak dapat ditentukan dengan jelas, tempoh itu hendaklah dikira sebagai 12 bulan.

26. Liabiliti hendaklah diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia memenuhi kriteria berikut:

- (a) Liabiliti dijangka untuk diselesaikan dalam pusingan operasi normal koperasi;
- (b) Liabiliti dipegang dengan tujuan utama untuk perdagangan;
- (c) Liabiliti perlu diselesaikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- (d) Koperasi tiada hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Liabiliti lain hendaklah diklasifikasikan sebagai bukan semasa. Apabila pusingan operasi normal koperasi tidak dapat ditentukan dengan jelas, tempoh itu hendaklah dikira sebagai 12 bulan.

27. Koperasi hendaklah membuat pelaporan, sama ada dalam kunci Kira-Kira atau dalam Nota-Nota Kepada Akaun, subklasifikasi penyenaraian item yang berikut:

- (a) Hartanah, loji dan peralatan mengikut jenis dan klasifikasi yang bersesuaian (perincian pergerakan kos dan susutnilai hendaklah dinyatakan dalam Nota-Nota Kepada Akaun);
- (b) Inventori yang menunjukkan pengasingan amaun bagi inventori yang dipegang untuk jualan dalam operasi perniagaan biasa, dalam proses pengeluaran untuk dijual, dalam bentuk bahan mentah yang akan digunakan dalam proses pengeluaran atau penyediaan perkhidmatan; dan
- (c) Peruntukan untuk manfaat pekerja dan peruntukan-peruntukan lain.

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

28. Akaun pembahagian keuntungan melaporkan pengagihan untung bersih teraudit koperasi bagi tempoh pelaporan kewangan. Pengagihan untung bersih ini adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 57 Akta. Keperluan minimum pelaporan akaun pembahagian keuntungan koperasi hendaklah merangkumi penyenaraian item bagi akaun yang berikut (yang mana berkaitan):

- (a) Pelarasan operasi;
- (b) Pembayaran kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori;
- (c) Pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi;
- (d) Pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi;
- (e) Peruntukan cukai dan zakat perniagaan;
- (f) Cadangan pembayaran di bawah subseksyen 57(5) Akta; dan
- (g) Pelarasan bukan operasi.

29. Contoh persembahan butiran Akaun Pembahagian Keuntungan mengikut butiran kod akaun (sebagai panduan untuk memudahkan proses kemasukan maklumat kewangan di dalam Sistem Perkhidmatan Dalam Talian-Modul Kewangan Koperasi) adalah seperti di **Lampiran 2**.

30. **Pelarasan operasi** adalah merujuk kepada kesilapan atau ketinggalan tahun terdahulu yang **tidak melebihi satu (1) tahun kewangan** berkaitan dengan akaun perdagangan dan akaun untung rugi sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya pelarasan tersebut melibatkan lebih daripada satu (1) tahun kewangan kebelakang, ia harus diambil kira sebagai pelarasan bukan operasi bagi mengelakkan pelaporan yang tidak tepat. Peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang ragu atau penghausan/penjejasan/rosotnilai nilai pelaburan bukan merupakan pelarasan menurut seksyen 56 Akta. Selain itu, penghapusan penghutang atau peruntukan rosotnilai juga bukan merupakan pelarasan operasi dan perlu dicajkan ke akaun untung rugi.

31. **Pelarasan bukan operasi** pula melibatkan kesilapan atau ketinggalan yang **melebihi satu (1) tahun kewangan kebelakang** berkaitan akaun untung rugi dan/atau yang tiada kaitan dengan akaun perdagangan dan akaun untung rugi. Selain dari itu pelarasan bukan operasi juga melibatkan perkara berikut:

- (a) honorarium, dividen, Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi atau Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi terkurang atau terlebih diperuntukkan;
- (b) pelarasan berkaitan geran/bantuan yang tidak khusus tujuan penggunaannya; dan
- (c) pampasan ke atas kerugian atau kerosakan yang diterima pada tahun kewangan berikutnya kecuali bagi tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap.

Pembahagian Berkanun

32. Kadar pemindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori adalah tertakluk kepada perenggan 57(1)(b) Akta, Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori di bawah subseksyen 57(1A) Akta dan GP1: Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori yang sedang berkuat kuasa.

33. Kadar pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah tertakluk kepada Arahan yang dikeluarkan di bawah peruntukan perenggan 57(2)(a) dan 57(2)(b) Akta.



34. Subseksyen 57(4) Akta membenarkan kadar pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi bolehlah ditolak daripada kadar Kumpulan Wang Rizab Statutori.

35. Tatacara pengiraan agihan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah seperti di **Lampiran 2a**.

36. Koperasi yang mengalami kerugian bersih tahun semasa selepas pelarasan operasi tidak perlu membuat sebarang agihan kepada pembahagian berkanun dan juga tidak dibenarkan membuat pembahagian lain mengikut subseksyen 57(6) Akta.

37. Bagi koperasi yang mempunyai kerugian terkumpul, dan pada masa yang sama mempunyai Akaun Rizab Modal hasil daripada keuntungan jualan aset di bawah perenggan 55(1)(a) Akta, koperasi boleh menggunakan akaun rizab tersebut setakat amaun bagi tujuan menghapuskan kerugian terkumpulnya sahaja. Persembahan pelaporan adalah seperti di **Lampiran 2b**.

Peruntukan Cukai

38. Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, pengecualian cukai adalah diberikan ke atas pendapatan koperasi sekiranya diperolehi dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh pendaftaran koperasi (subperenggan 12(1)(a) Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967) dan jika selepas itu, Kumpulan Wang Ahli (Anggota) koperasi pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran kurang daripada RM750,000 (subperenggan 12(1)(b) Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967).



39. Dalam pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai, koperasi diberi potongan di bawah perenggan 65A(a) dan (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana koperasi boleh menolak daripada jumlah pendapatan untuk tahun tersebut:

- (a) amaun yang dipindah atau dibayar kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun (Statutori) atau institusi pelajaran atau pertubuhan koperasi atau kedua-duanya dengan syarat amaun maksimum yang ditolak tidak melebihi $\frac{1}{4}$ daripada untung bersih teraudit; dan
- (b) suatu jumlah bersamaan lapan peratus **(8%)** daripada Kumpulan Wang Ahli (termasuk Kumpulan Wang Rizab Berkanun) pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran.

40. Walaupun koperasi dikecuali daripada dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, koperasi dikehendaki membuka fail dan mengemukakan anggaran cukai secara *e-filing* ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Peruntukan Zakat Perniagaan

41. Pengiraan zakat perniagaan ini hendaklah dibuat apabila ia cukup haul dan cukup nisab. Koperasi dikehendaki merujuk kepada pihak berkuasa zakat negeri dalam urusan pengiraan zakat yang betul dan tepat dan sekiranya terdapat apa-apa pengecualian berkenaan zakat yang dibenarkan.

42. Bagaimanapun sekiranya koperasi mengakaunkan zakat yang dibayar dalam Akaun Untung Rugi, ia dibenarkan oleh garis panduan ini.

Pembahagian-Pembahagian Lain

43. Tertakluk kepada subseksyen 57(7) Akta, baki untung bersih teraudit selepas agihan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan peruntukan cukai dan zakat perniagaan, boleh digunakan untuk cadangan pembayaran di bawah subseksyen 57(5) Akta.

43.1 Potongan Kerana Langganan

Koperasi boleh memberi potongan kerana langganan kepada anggotanya seperti diperuntukkan di bawah perenggan 57(5)(a) Akta.

43.2 Dividen

- (i) Bagi koperasi yang mempunyai keuntungan bersih tahun semasa dan tidak mempunyai kerugian terkumpul, pembayaran dividen oleh koperasi adalah diperuntukkan di bawah perenggan 57(5)(b) Akta.
- (ii) Menurut peruntukan subseksyen 57(8) Akta, sesuatu koperasi yang kerugian terkumpulnya telah tidak dihapusira sepenuhnya boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen dalam mana-mana kes tidak boleh melebihi lima peratus (5%) daripada jumlah syer atau yuran anggota, atau kedua-duanya.
- (iii) Mengikut Arahan SKM Bilangan 1 Tahun 2011, kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran oleh koperasi selain daripada koperasi yang diiktiraf sebagai co-opbank hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus (10%) setahun kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya. Manakala koperasi yang diiktiraf sebagai co-opbank, apa-apa kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran anggota adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya.
- (iv) Perenggan 57(5)(b) Akta juga membenarkan koperasi menggunakan mana-mana sumber (akaun rizab am, keuntungan terkumpul dan kumpulan wang penyamaan dividen) untuk pembayaran dividen tidak melebihi sepuluh peratus (10%) (termasuk dividen daripada untung bersih teraudit) dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Suruhanjaya.
- (v) Pihak koperasi dikehendaki merujuk kepada GP2: Garis Panduan Permohonan Pembayaran Dividen Oleh Koperasi (Pindaan) 2012 sebelum membuat pembayaran dividen.



43.3 Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi

Amaun pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga koperasi adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya mengikut kehendak perenggan 57(5)(c) Akta. Pihak koperasi dikehendaki merujuk kepada GP22: Garis Panduan Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi.

43.4 Kumpulan Wang/Tabung Lain

- (a) Pihak koperasi disarankan untuk mewujudkan Kumpulan Wang Penebusan Syer selaras dengan yang diperuntukkan dalam Undang-undang Kecil koperasi bagi tujuan penebusan syer anggota. Catatan perakaunan yang terlibat adalah seperti di Bahagian F, Para 60.9.
- (b) Pihak koperasi boleh mewujudkan pelbagai kumpulan wang atau tabung untuk tujuan kebajikan anggota dan masyarakat yang selaras dengan prinsip koperasi. Walau bagaimanapun, Koperasi hendaklah menyediakan aturan bagi setiap kumpulan wang yang diwujudkan serta diluluskan dalam Mesyuarat Agung. **Pihak koperasi adalah tidak dibenarkan mewujudkan sebarang kumpulan wang atau tabung yang ada kaitan dengan kos operasi perniagaan atau aktiviti koperasi seperti Kumpulan Wang/ Tabung Rosotnilai Pelaburan dan Kumpulan Wang/ Tabung Mesyuarat Agung. Pewujudan Kumpulan Wang atau tabung ini adalah tidak selaras dengan seksyen 56 dan subsekyen 57(5) Akta.**

Koperasi hendaklah memastikan bahawa pembayaran potongan langganan, honorarium, dan pembahagian lain (kumpulan wang/ tabung) dibuat setelah kerugian terkumpul dihapuskan sepenuhnya dengan menggunakan untung bersih semasa atau Akaun Rizab Modal, tidak mengakibatkan kerugian semula kepada koperasi seperti di Lampiran 2b(i).

AKAUN UNTUNG RUGI

44. Akaun untung rugi melaporkan prestasi kewangan koperasi bagi tempoh pelaporan kewangan. Keperluan minimum pelaporan akaun untung rugi koperasi hendaklah merangkumi penyenaian item bagi amaun yang berikut (yang mana berkaitan):-

- (a) Pendapatan, mengikut pecahan aktiviti;
- (b) Kos Jualan/ Aktiviti , mengikut pecahan aktiviti; dan
- (c) Perbelanjaan Am, penyenaian seperti berikut:
 - (i) Fi Audit Suruhanjaya;
 - (ii) Fi Juruaudit Swasta;

- (iii) Perbelanjaan Lembaga;
- (iv) Kos Pembiayaan/ Faedah Pinjaman;
- (v) Peruntukan Hutang Lapuk/ Ragu;
- (vi) Susutnilai Aset;
- (vii) Perbelanjaan Rosotnilai, penyenaraian mengikut jenis rosotnilai/ penjejasan nilai seperti berikut:-
 - (a) Pelaburan Syer Siar Harga/ Tak Siar Harga;
 - (b) Pelaburan Subsidiari/ Usaha sama/ Bersekutu;
 - (c) Pelaburan Hartanah;
 - (d) Inventori/ Stok;
 - (e) Aset lain Tak Ketara (Muhibah, Paten, dll);
- (viii) Belanja Mesyuarat Agung; dan
- (ix) Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan

45. Contoh persembahan butiran Akaun Untung Rugi mengikut butiran kod akaun (sebagai panduan untuk memudahkan proses kemasukan maklumat kewangan ke dalam Sistem Perkhidmatan Dalam Talian-Modul Kewangan Koperasi adalah seperti di **Lampiran 3**.

46. Keterangan lanjut berkaitan jenis aktiviti bagi penyenaraian dalam akaun untung rugi adalah seperti di **Lampiran 3a**.

PENYATA ALIRAN TUNAI

47. Penyata aliran tunai memberi maklumat berkaitan perubahan dalam tunai dan kesetaraan tunai koperasi bagi tempoh pelaporan kewangan, yang menunjukkan secara berasingan aliran tunai dari aktiviti operasi, bayaran berkanun dan agihan, aktiviti pelaburan serta aktiviti pembiayaan. Ia memberi maklumat berkaitan kecairan dan kebolehubahan (*flexibility*) kewangan bagi sesebuah koperasi serta menyediakan maklumat asas tentang keupayaan koperasi menjana tunai atau kesetaraan tunai dan keperluan menggunakannya.

48. Kesetaraan tunai adalah pelaburan jangka pendek, mudah cair yang tersedia untuk ditukarkan ke amaun tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Kesetaraan tunai dipegang untuk memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukan untuk pelaburan atau tujuan lain. Pelaburan layak untuk diiktiraf sebagai kesetaraan tunai hanya apabila ia mempunyai kematangan yang pendek, sebagai contoh tiga (3) bulan atau kurang dari tarikh pemerolehannya.

49. Penyata aliran tunai koperasi hendaklah menunjukkan secara berasingan aliran tunai dari aktiviti operasi, bayaran berkanun dan agihan, aktiviti pelaburan, dan aktiviti pembiayaan seperti berikut:.

(a) Aktiviti Operasi

Aktiviti operasi melibatkan aktiviti yang berkait rapat dengan penghasilan pendapatan. Aliran tunai dari aktiviti ini lazimnya hasil daripada transaksi serta keadaan yang diambil kira dalam penentuan keuntungan atau kerugian koperasi.

(b) Bayaran Berkanun dan Agihan

Aliran tunai dari aktiviti ini melibatkan pembayaran-pembayaran tunai kepada:-

- (i) Kumpulan Wang Rizab Statutori (Akaun Deposit Koperasi), Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, potongan langganan, honorarium anggota Lembaga, dan kumpulan wang/ tabung lain.
- (ii) Kumpulan Wang Likuiditi Pusat sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia [Akta 665] (koperasi yang ditetapkan).

(c) Aktiviti Pelaburan

Aktiviti pelaburan merupakan perolehan dan/atau pelupusan aset jangka panjang dan pelaburan lain yang tidak termasuk dalam kesetaraan tunai.

(d) Aktiviti Pembiayaan/Pinjaman

Aktiviti pembiayaan adalah aktiviti yang menghasilkan perubahan dalam saiz dan komposisi ekuiti serta pembiayaan/ pinjaman. Ini termasuk bayaran faedah atas simpanan khas dan dividen kepada anggota.

50. Pelaporan penyata ini boleh disediakan dengan menggunakan kaedah secara langsung atau kaedah secara tidak langsung. Butiran berkenaan kaedah yang digunakan hendaklah dinyatakan dalam Nota-Nota Kepada Akaun:-

- (a) **Kaedah secara langsung** iaitu menyatakan kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar; dan
- (b) **Kaedah secara tidak langsung** iaitu menyatakan lebihan atau kekurangan yang dilaraskan, kesan daripada urus niaga yang bersifat bukan tunai, sebarang terimaan dan bayaran tunai tertunda atau terakru daripada operasi masa lalu atau masa hadapan, dan item hasil atau belanja yang berkaitan dengan aliran tunai pelaburan atau pembiayaan.

51. Bagi maksud ini, garis panduan ini telah memilih **kaedah secara tidak langsung** dalam penyediaan penyata aliran tunai sebagaimana contoh persembahan Penyata Aliran Tunai di **Lampiran 4**.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

52. Nota-Nota Kepada Akaun mengandungi maklumat tambahan bagi perkara yang dipersembahkan dalam kunci Kira-Kira, akaun pembahagian keuntungan, dan akaun untung rugi dan akaun perdagangan. Nota-Nota Kepada Akaun menyediakan butiran perincian atau pengasingan untuk item yang dipersembahkan dalam penyata kewangan koperasi dan maklumat berkaitan item yang tidak layak untuk diiktiraf dalam penyata kewangan koperasi.

53. Selain keperluan pendedahan butiran dan maklumat khusus sebagaimana peruntukan di dalam Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian E: Keperluan Pendedahan Butiran Dan Maklumat Khusus** garis panduan ini, Nota-Nota Kepada Akaun hendaklah menyatakan dengan jelas maklumat berikut bagi memudahkan pemahaman terhadap pelaporan penyata kewangan koperasi:

- (a) Melaporkan maklumat berkenaan pematuhan kepada piawaian pelaporan perakaunan dan keperluan perundangan, selaras dengan para 13 garis panduan ini;
- (b) Melaporkan maklumat berkenaan asas penyediaan penyata kewangan dan dasar/ polisi perakaunan yang digunakan;
- (c) Mendedahkan maklumat yang dikehendaki menurut piawaian pelaporan perakaunan dan keperluan perundangan yang tidak dipersembahkan dalam penyata kewangan; dan
- (d) Mendedahkan maklumat yang tidak dipersembahkan dalam penyata kewangan tetapi berkaitan untuk pemahaman penyata kewangan.

54. Tambahan butiran maklumat asas yang perlu dinyatakan dalam Nota-Nota Kepada Akaun adalah seperti berikut:

- (a) Nama koperasi dan sebarang perubahan nama semenjak tarikh berakhir tempoh pelaporan terdahulu;
- (b) Keterangan berkaitan operasi dan aktiviti utama koperasi;
- (c) Alamat berdaftar dan alamat perniagaan koperasi;
- (d) Sama ada penyata kewangan tersebut adalah bagi koperasi atau akaun kumpulan (bagi koperasi yang mempunyai subsidiari);
- (e) Tarikh berakhir tempoh pelaporan dan tempoh liputan penyata kewangan koperasi serta tarikh pengesahan anggota lembaga koperasi penyata kewangan yang dilaporkan;
- (f) Mata wang persembahan dalam Ringgit Malaysia;
- (g) Kadar pembundaran yang digunakan, jika perlu; dan
- (h) Keterangan dan sebab berkaitan kos atau usaha tidak wajar (*undue cost or effort*), jika ada.

Akaun Kumpulan

55. Bagi koperasi yang mempunyai subsidiari, **akaun subsidiari hendaklah disatukan dalam akaun kumpulan** bagi akaun untung rugi dan kunci Kira-Kira sepertimana kehendak subseksyen 59(5) Akta supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang prestasi dan kedudukan kewangan secara kumpulan. Penyediaan penyata kewangan yang disatukan adalah juga tertakluk kepada kehendak piawaian pelaporan perakaunan yang digunakan.

56. Anggota Lembaga koperasi hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa **dalam masa dua (2) tahun** selepas pembentukan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta, **tahun kewangan subsidiari itu disamakan dengan tahun kewangan koperasi.**

Penghantaran Penyata Kewangan Teraudit

57. Koperasi hendaklah memastikan penyata kewangan teraudit yang dikemukakan kepada Suruhanjaya sepertimana kehendak subseksyen 59(2) Akta dan hendaklah memastikan bahawa penyata kewangan tersebut sama seperti yang dikemukakan kepada anggotanya untuk pembentangan di Mesyuarat Agung Tahunan.

58. Koperasi hendaklah memastikan juruaudit yang dilantik menghantar salinan Laporan Pengurusan kepada Suruhanjaya mengikut subperaturan 29(7) Peraturan-peraturan Koperasi 2010.



BAHAGIAN E: KEPERLUAN PENDEDAHAN BUTIRAN DAN MAKLUMAT KHUSUS

- Kunci Kira-Kira
- Akaun Pembahagian Keuntungan
- Akaun Perdagangan Dan Untung Rugi
- Nota-Nota Kepada Akaun



BAHAGIAN E: KEPERLUAN PENDEDAHAN BUTIRAN DAN MAKLUMAT KHUSUS

59. Selain daripada keperluan pendedahan mengikut piawaian pelaporan perakaunan yang digunakan, koperasi juga hendaklah menyediakan pendedahan butiran dan maklumat khusus sebagaimana peruntukan di dalam Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan di dalam Nota-Nota Kepada Akaun bagi perkara seperti berikut:

KUNCI KIRA-KIRA

(a) Aset Geran/Bantuan

Aset yang diperoleh menerusi geran atau bantuan daripada kerajaan dan badan-badan lain hendaklah ditunjukkan secara berasingan daripada hartanah, loji dan peralatan di bawah tajuk aset geran.

(b) Aset Biologi

Aset biologi merujuk kepada tanaman, perladangan, ternakan secara komersial yang mempunyai jangka hayat melebihi 12 bulan dan memberi manfaat ekonomi secara berterusan. Pergerakan akaun perlu ditunjukkan bagi setiap jenis aset biologi mengikut kaedah pengukuran dalam Nota-Nota Kepada Akaun.

(c) Pembangunan Hartanah

Nyatakan jenis projek yang dijalankan dan dasar perakaunan bagi pengiktirafan pendapatan/ perbelanjaan serta kaedah pengukuran. Bagi koperasi yang terlibat dalam aktiviti pembangunan hartanah (mempunyai lesen sebagai pemaju pembangunan) transaksi yang terlibat hendaklah diperlakukan seperti berikut:

(i) Pembangunan Hartanah (aset bukan semasa)

- Aset tanah yang diperoleh untuk aktiviti pembangunan walaupun masih belum dimulakan projek pembangunan
- Kos pembangunan yang terlibat dalam kerja dalam pembangunan (projek yang telah dimulakan)

(ii) Inventori (aset semasa)

Unit pembangunan yang telah siap sepenuhnya dan belum terjual (*unsold completed development units*) hendaklah diperlakukan sebagai inventori.

(d) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah adalah hartanah (tanah atau/ dan bangunan) bagi tujuan memperoleh sewaan atau peningkatan nilai hartanah. Hartanah yang belum diputuskan untuk sebarang tujuan, hendaklah juga diklasifikasikan sebagai pelaburan hartanah.

Jika hartanah digunakan untuk perniagaan sendiri dan juga penyewaan, maka pengasingan hendaklah dibuat:-

- (i) Sekiranya kos boleh diasingkan dan *strata title* boleh diperoleh, maka kos antara hartanah, loji dan peralatan dan pelaburan hartanah perlulah diasingkan.
- (ii) Sekiranya kos tidak boleh diasingkan dan peratusan penggunaan oleh koperasi adalah minimum daripada keseluruhan ruang lantai untuk perniagaan, maka ia boleh diiktiraf secara keseluruhannya sebagai pelaburan hartanah. Butiran ini hendaklah dinyatakan dalam Nota-Nota Kepada Akaun. Bagi tanah milik koperasi yang dibangunkan oleh pemaju walaupun masih belum dipindah hakmilik **perlu dianggap telah dilupuskan (*deemed disposal*)** kerana koperasi telah tidak mempunyai kawalan ke atas tanah/risiko dan ganjaran telah berpindah kepada pemaju. Hasil dari pelupusan yang belum diterima hendaklah diakaunkan sepenuhnya sebagai penghutang mengikut perjanjian. Keuntungan daripada pelupusan ini hendaklah diakaunkan sebagai pendapatan tertangguh/tertunda di Kunci Kira-Kira. Pengiktirafan pendapatan di akaun untung rugi adalah mengikut terma pembayaran sepertimana di Bahagian F, Para 60.5 Pelaburan Hartanah.

Pelaburan dalam harta tak alih hendaklah mengikut peruntukan seksyen 54A Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan Undang-undang Kecil koperasi berkaitan.

(e) Pelaburan Dalam Syer Siar Harga Dan Tak Siar Harga

Maklumat yang perlu dimuatkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun bagi pelaburan syer siar harga dan tak siar harga adalah senarai pelaburan, bilangan unit, kos per unit, jumlah kos dan harga pasaran. Sebarang kenaikan atau penurunan dalam nilai pelaburan syer siar harga hendaklah dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer. Bagi pelaburan syer tak siar harga, jumlah persediaan rosotnilai/penjejasan nilai pelaburan hendaklah ditunjukkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun dan ditolak daripada jumlah kos.

Nyatakan kelulusan pelaburan daripada Suruhanjaya yang berkaitan selaras dengan kehendak subseksyen 54(2) Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya termasuk Undang-undang Kecil koperasi berkaitan.

(f) Kepentingan Dalam Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu

Kepentingan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu hendaklah mengandungi butiran berikut:

- (i) Pelaburan dalam subsidiari dan syarikat bersekutu Maklumat berkaitan subsidiari dan syarikat bersekutu hendaklah dinyatakan seperti nama syarikat, aktiviti, amaun pelaburan dan peratus pegangan ekuiti dalam subsidiari dan syarikat bersekutu termasuk peruntukan rosotnilai.

Nyatakan kelulusan pembentukan subsidiari, perolehan dan pelaburan daripada Suruhanjaya selaras dengan kehendak seksyen 19 dan subseksyen 54(2) Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010, Peraturan-Peraturan Koperasi (Subsidiari) 2010, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya termasuk Undang-undang Kecil koperasi berkaitan.

Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu, pendedahan mengenai kedudukan kewangan syarikat tersebut secara ringkas perlu ditunjukkan yang merangkumi jumlah agregat aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan dan keuntungan atau kerugian semasa seperti di **Lampiran 5 para 1**.

(ii) Klasifikasi amaun terhutang oleh subsidiari dan syarikat bersekutu

- Aset Bukan Semasa

Amaun terhutang dan pendahuluan oleh subsidiari dan syarikat bersekutu yang mempunyai tempoh bayaran balik melebihi 12 bulan.

- Aset Semasa

Amaun terhutang yang tidak mempunyai tempoh bayaran balik atau tempoh kurang daripada 12 bulan, hendaklah ditunjukkan di bawah tajuk penghutang perdagangan atau pelbagai penghutang, yang mana berkaitan.

Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya yang diperoleh berkaitan apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit atau memberi apa-apa jaminan atau aku janji bagi pembiayaan atau kemudahan itu atau memindahkan apa-apa wang atau aset dalam apa-apa bentuk kepada subsidiarinya selaras dengan kehendak subseksyen 19(2) Akta.

(g) Pelaburan Dalam Usaha Sama

Maklumat berkaitan jenis usaha sama yang terlibat hendaklah dinyatakan sama ada pengendalian kawalan bersama, aset kawalan bersama atau entiti kawalan bersama. Ciri utama usaha sama ialah dua (2) atau lebih pengusaha niaga (*venturers*) yang terikat dengan perjanjian usaha sama dan mempunyai kawalan bersama ke atas keputusan operasi, strategik dan kewangan.

Nyatakan aktiviti usaha sama, pihak yang terlibat, pegangan kepentingan dan penentuan agihan keuntungan/ kerugian daripada usaha sama tersebut serta sebarang kontingen liabiliti, jika ada.

Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya yang diperoleh bagi pelaburan usaha sama selaras dengan kehendak seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya termasuk Undang-undang Kecil koperasi berkaitan.

(h) Pelaburan Lain

Pelaburan lain antaranya merujuk kepada pelaburan dalam bon, sukuk dan projek (bukan bersifat pegangan ekuiti). **Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya** yang diperoleh bagi pelaburan ini selaras dengan kehendak seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya termasuk Undang-undang Kecil koperasi berkaitan.

(i) Pinjaman/ Pembiayaan (Anggota dan Bukan Anggota)

Pergerakan dalam akaun juga perlu ditunjukkan bagi setiap jenis pinjaman/ pembiayaan termasuk persediaan hutang ragu/ lapuk dengan mengasingkan pinjaman/ pembiayaan jenis peribadi dengan perniagaan (*personal and business loan*). Apa-apa penghapusan kira hutang lapuk yang *substantial* amaunnya hendaklah dilaporkan dalam Laporan Lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta.

Bagi koperasi yang melaksanakan aktiviti pinjaman/ pembiayaan segala faedah/ keuntungan atas pinjaman/ pembiayaan hendaklah diakaunkan secara tertunda dan tidak boleh diiktiraf sepenuhnya dalam tahun semasa.

(j) Akaun Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP)

Pergerakan dalam akaun KWLP perlu ditunjukkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun bagi koperasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 42 Akta 665 dan GP19: Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Likuiditi Pusat.

(k) Akaun Deposit Koperasi (ADK)

Pergerakan dalam akaun ADK hendaklah ditunjukkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun berkaitan mendeposit wang lebihan dan Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam ADK selaras dengan seksyen 43 Akta 665, GP29: Garis Panduan Pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi dan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019. Koperasi perlu menyatakan tahun kewangan yang diarahkan untuk mendeposit ke dalam ADK. Contoh persembahan pelaporan adalah seperti di **Lampiran 5 para 2**.

(l) Aset Lain Bukan Semasa

Senaraikan butiran yang terkandung di bawah perkara ini termasuk deposit tetap tercagar dan jaminan bank. Bagi deposit tetap yang tercagar, perlu dinyatakan dalam Nota-Nota Kepada Akaun tujuan ia dicagarkan.

(m) Inventori

Senaraikan inventori mengikut jenis dan kaedah penilaian yang digunapakai dengan amaunnya.

Apa-apa perubahan dalam asas pentaksiran bagi kesemua atau mana-mana bahagian inventori perniagaan yang terjejas secara material oleh perkara yang abnormal sifatnya hendaklah dilaporkan dalam Laporan Lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta.

(n) Penghutang Perdagangan

Senaraikan nama penghutang dengan amaunnya jika bersesuaian, dan pergerakan dalam akaun serta peruntukan hutang ragu/ lapuk. Tertakluk kepada polisi kredit koperasi, peruntukan hutang ragu hendaklah dibuat sepenuhnya bagi penghutang yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan melebihi 12 bulan.

Apa-apa penghapusan kira hutang lapuk yang *substantial* amaunnya hendaklah dilaporkan dalam Laporan Lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta.

(o) Pelaburan Jangka Pendek

Senaraikan pelaburan jangka pendek seperti sukuk/bon jangka pendek, pasaran kewangan dan sekuriti tersedia untuk dijual.

Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya yang diperoleh bagi pelaburan ini selaras dengan kehendak seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010, peraturan, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya termasuk Undang-undang Kecil koperasi berkaitan.

(p) Penghutang Projek/ Kontrak Dalam Pelaksanaan

Projek/ Kontrak dalam pelaksanaan adalah merupakan projek/ kontrak yang dijangka akan siap dalam tempoh 12 bulan dan belum dibilkan selain daripada perkara berikut:-

- (i) Pembangunan hartanah;
- (ii) Perladangan, pertanian, penternakan;
- (iii) Pembinaan hartanah sebagai aset tetap untuk kegunaan Koperasi; dan
- (iv) Pembinaan hartanah bagi tujuan pelaburan, sewaan atau jualan.

(q) Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)

Bagi aset yang mewakili KWRS, koperasi hendaklah menyenaraikan jenis dan amaun pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang tersebut dalam Nota-Nota Kepada Akaun. Ia hendaklah juga ditunjukkan di bawah tajuk Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori di bahagian Aset Semasa.

(r) Pelbagai Penghutang

Perlu disenaraikan butiran pelbagai penghutang mengikut kategori dan amaunnya. Peruntukan hutang ragu hendaklah dibuat sepenuhnya bagi pelbagai penghutang tertentu apabila terdapat bukti objektif terutamanya yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan melebihi 12 bulan.

Apa-apa penghapusan kira hutang lapuk yang *substantial* amaunnya hendaklah dilaporkan dalam Laporan Lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta.

(s) Deposit Tetap atau setara dengannya dan Wang di Bank/ Tangan

Senaraikan bank yang terlibat dengan jenis deposit dan amaunnya. Deposit tetap atau setara dengannya yang dicagarkan hendaklah dikategorikan sebagai aset lain bukan semasa.

(t) Pemiutang Perdagangan

Senaraikan nama pemiutang dan amaunnya, jika bersesuaian. Sebarang amaun wang tak dituntut mengikut ketetapan yang sepatutnya adalah tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965.

(u) Simpanan Khas/ Deposit Anggota dan Bukan Anggota

Akaun ini adalah berkaitan dengan GP9: Garis Panduan Bagi Pengambilan Simpanan Khas dan Deposit Atau Penerimaan Pinjaman. Pergerakan dalam akaun dan kadar pulangan/ hibah atas simpanan/ deposit perlu ditunjukkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun. Pulangan/hibah hendaklah dicajkan kepada akaun untung rugi atau akaun projek berkaitan.

(v) Pinjaman/ Pembiayaan Luar

Maklumat berkaitan pinjaman/ pembiayaan iaitu nama institusi kewangan termasuk Tabung Modal Pusingan JPK atau pinjaman/ pembiayaan lain daripada Tabung/Dana yang diwujudkan oleh Suruhanjaya, jumlah pinjaman/ pembiayaan, kadar faedah/ kadar keuntungan, tempoh bayaran balik, tarikh mula bayaran dan tujuan pinjaman/ pembiayaan perlu dinyatakan.

Pergerakan dalam akaun termasuk faedah pinjaman/ caj pembiayaan yang dikenakan dalam tahun semasa juga perlu ditunjukkan bagi setiap jenis pinjaman/ pembiayaan.

Bagi persembahan akaun pinjaman/ pembiayaan yang menunjukkan faedah/ caj pembiayaan keseluruhan, maka faedah/ caj pembiayaan yang belum lunas perlu ditolak daripada jumlah pinjaman/ pembiayaan.

Amaun pinjaman/ pembiayaan yang perlu dijelaskan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan di bawah Liabiliti Semasa. Manakala bagi tempoh melebihi 12 bulan, ia hendaklah ditunjukkan di bawah Liabiliti Bukan Semasa.

Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya yang diperoleh selaras dengan kehendak perenggan 50(e) Akta bagi pinjaman/ pembiayaan yang melibatkan bukan anggota (bank, institusi kewangan atau mana-mana badan atau mana-mana orang) kecuali pinjaman/ pembiayaan daripada Suruhanjaya.

(w) Fi Audit Suruhanjaya, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, Dividen Dan Honorarium

Nota hendaklah disediakan bagi menunjukkan pergerakan akaun (termasuk pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan dan pembayaran) untuk setiap butiran.

(x) Amaun Terhutang Kepada Syarikat Berkaitan

Senaraikan amaun yang terhutang, tujuan serta terma keterhutangan yang dipersetujui kepada setiap subsidiari dan syarikat bersekutu oleh koperasi.

(y) Pelbagai Pemiutang

Senaraikan butiran pelbagai pemiutang dan amaunnya, jika bersesuaian. Sebarang amaun wang tak dituntut mengikut ketetapan yang sepatutnya adalah tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965.

(z) Overdraf Bank

Nyatakan nama institusi kewangan, had overdraf bank yang diperoleh, kadar faedah/ kadar keuntungan yang dikenakan serta aset yang dicagarkan.

(aa) Modal Syer Anggota, Syer Bonus dan Modal Yuran Anggota

- (i) Maklumat berkaitan bilangan anggota dan pergerakan akaun perlu ditunjukkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun.
- (ii) Nota-Nota Kepada Akaun perlu memperincikan syer bonus yang diterbitkan sama ada daripada:
 - keuntungan modal yang diperoleh daripada penjualan tanah/ bangunan sebagai aset tetap [subseksyen 55(2) Akta];
 - keuntungan modal yang diperoleh daripada penilaian semula tanah/ bangunan sebagai aset tetap [subseksyen 55(4) Akta];
 - Syer bonus yang ditebus [subseksyen 55(5) Akta];
 - Syer bonus yang diterbitkan daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori [perenggan 57(1B)(b) Akta]; atau
 - Syer yang ditebus daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori [Undang-Undang Kecil koperasi].

Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya yang diperoleh bagi penerbitan syer bonus mengikut peraturan 28, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan perenggan 57(1B)(b) Akta serta kelulusan mesyuarat agung tahunan bagi penerbitan syer bonus daripada syer yang ditebus.

(bb) Modal Syer Ditebus dan Modal Syer Bonus Ditebus

Bagi akaun Modal Syer Ditebus, perlu ditunjukkan pergerakan akaun sekiranya terdapat penebusan syer melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) atau Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) dan penjualan syer koperasi kepada anggota.

Bagi akaun Modal Syer Bonus Ditebus pula, perlu ditunjukkan pergerakan akaun sekiranya terdapat penebusan syer bonus melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus dan penerbitan semula syer bonus kepada anggota. Contoh persembahan pelaporan adalah seperti di **Lampiran 5 para 3**.

(cc) Akaun Rizab Modal

Perlu diasingkan akaun keuntungan modal yang diperoleh daripada penjualan tanah/ bangunan sebagai aset tetap dan penilaian semula tanah/ bangunan sebagai aset tetap.

Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya yang diperoleh bagi penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap selaras dengan perenggan 55(1)(b) Akta.

(dd) Akaun Rizab Penilaian Semula dan Rizab Nilai Saksama

Sediakan akaun yang berbeza untuk peningkatan nilai bagi butiran berikut :

- (i) Akaun Rizab Penilaian Semula: Aset Tetap (tanah/ bangunan atau kedua-duanya bukan bagi tujuan penerbitan syer bonus – rujuk para 60.3);
- (ii) Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer;
- (iii) Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah;
- (iv) Akaun Rizab Nilai Saksama: Aset Biologi; dan
- (v) Akaun Rizab Pertukaran Asing.

Baki Akaun Rizab Penilaian Semula/ Rizab Nilai Saksama hanya boleh dipindahkan sama ada kepada:

- (i) Akaun untung rugi bagi penjualan pelaburan hartanah/ syer/ aset biologi; atau
- (ii) Akaun Rizab Modal bagi penjualan tanah atau bangunan atau kedua-duanya, sebagai aset tetap selaras dengan perenggan 55(1)(a) Akta.

(ee) Kumpulan Wang Penebusan Syer Dan Syer Bonus

Nota hendaklah disediakan sekiranya terdapat pergerakan dalam kumpulan wang ini.

(ff) Kumpulan Wang/ Tabung (Anggota)

- (i) Koperasi digalakkan mewujudkan Kumpulan Wang/ Tabung yang memberi manfaat kepada anggota selaras dengan Aturan yang diwujudkan (contohnya Kumpulan Wang Kebajikan, Kumpulan Wang Pendidikan, Kumpulan Wang Khairat Kematian). Sumber kumpulan wang tersebut sama ada daripada pindahan Akaun Pembahagian Keuntungan atau pun daripada sumbangan/ caruman anggota hendaklah ditunjukkan sebagai sebahagian daripada Kumpulan Wang Anggota. Pergerakan akaun setiap kumpulan wang perlu ditunjukkan.

- (ii) Apa-apa pemindahan kepada atau daripada kumpulan wang/tabung hendaklah dilaporkan dalam Laporan Lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) Akta.
- (iii) Bagi Kumpulan wang yang diwujudkan untuk tujuan perlindungan pinjaman/pembiayaan daripada caruman/ sumbangan anggota, pindahan ke akaun untung rugi sebagai pendapatan komisen atau fi pengurusan hendaklah pada kadar yang munasabah mengikut kadar di pasaran (kebiasaannya 10% hingga 30%)
- (iv) Koperasi hendaklah memastikan bahawa penggunaan kumpulan wang ini tidak boleh melebihi daripada baki yang ada hingga menyebabkan ia menjadi baki negatif.

(gg) Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)

Pergerakan dalam akaun KWRS perlu ditunjukkan dalam nota sekiranya terdapat pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan. Sekiranya terdapat pergerakan bagi pembayaran syer atau yuran yang menggunakan Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2011 dan penerbitan syer bonus yang menggunakan Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2011 juga hendaklah ditunjukkan pergerakan tersebut. Pergerakan dalam nota juga hendaklah ditunjukkan bagi koperasi yang telah diarahkan memindahkan caruman semasa KWRS bermula tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 ke dalam Akaun Deposit Koperasi (ADK). Contoh persembahan bagi KWRS adalah seperti di **Lampiran 5 para 5** hanya mengambil kira pergerakan bagi ADK sahaja supaya selaras dengan **Lampiran 5 para 2**.

(hh) Kumpulan Wang/Tabung (Bukan Anggota)

- (i) Bagi Kumpulan Wang/Tabung yang diwujudkan khusus untuk memberi faedah kepada pekerja atau pihak lain selain anggota selaras dengan Aturan yang diwujudkan (contohnya Kumpulan Wang Faedah Persaraan Pekerja), ia hendaklah ditunjukkan di antara Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Bukan Semasa.
- (ii) **Koperasi hendaklah memastikan bahawa penggunaan kumpulan wang ini tidak boleh melebihi daripada baki yang ada hingga menyebabkan ia menjadi baki negatif**

(ii) Geran/ Bantuan

Maklumat berkaitan punca, tarikh terimaan, amaun serta tujuan pemberian geran/ bantuan tersebut hendaklah dinyatakan dalam Nota-Nota Kepada Akaun.

Pergerakan akaun geran/ bantuan termasuk pelunasan yang dibuat perlu ditunjukkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun.

(jj) Liabiliti Lain

Senaraikan butiran liabiliti lain dan amaunnya.

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**(kk) Pelarasan Operasi dan Pelarasan Bukan Operasi**

Senaraikan butiran pelarasan operasi dan pelarasan bukan operasi dalam Nota-Nota Kepada Akaun.

AKAUN PERDAGANGAN DAN UNTUNG RUGI**(ll) Pendapatan/ Perbelanjaan Aktiviti**

Nota perincian atau akaun perdagangan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi hendaklah disediakan.

(mm) Pelbagai Pendapatan/Perbelanjaan

Senaraikan butiran pelbagai pendapatan/perbelanjaan dan amaunnya.

(nn) Perbelanjaan Lembaga

Senaraikan butiran perbelanjaan Lembaga secara individu dan amaunnya selaras dengan kehendak subperaturan 31(2) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010. Contoh persembahan bagi perbelanjaan lembaga adalah seperti di **Lampiran 5 para 4**.

(oo) Pendapatan/ Perbelanjaan Luarbiasa

Senaraikan butiran serta penjelasan berkaitan pendapatan/ perbelanjaan luarbiasa dan amaunnya contohnya seperti pampasan pengambilan tanah (bukan aset tetap) atau pampasan insurans atau pampasan pekerja yang material.

Nota-Nota Kepada Akaun**(pp) Aset Kontingen**

Aset kontingen timbul daripada peristiwa yang tidak dirancang atau yang tidak dijangka, bukan dalam kawalan penuh entiti itu, dan menimbulkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi kepada koperasi.

Koperasi tidak perlu mengiktiraf aset kontingen sebagai aset. Penerangan ringkas tentang aset kontingen dan anggaran kesan kewangannya hendaklah didedahkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun jika ada kebarangkalian berlaku aliran masuk manfaat ekonomi kepada koperasi.

(qq) Liabiliti Kontingen

Liabiliti kontingen hendaklah didedahkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun, kecuali kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi adalah tipis dan hendaklah dilaporkan dalam Laporan Lembaga seperti kehendak perenggan 59(3)(d) Akta.

Liabiliti kontingen tidak perlu dibuat peruntukan. Penerangan ringkas tentang liabiliti kontingen dan anggaran kesan kewangannya hendaklah didedahkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun jika ada kebarangkalian berlaku aliran keluar manfaat ekonomi kepada koperasi.

(rr) Komitmen Atau Kejadian Selepas Tarikh Kunci Kira-Kira

Pendedahan tentang komitmen atau kejadian selepas tarikh Kunci Kira-Kira yang boleh memberi kesan material kepada akaun tahun berikutnya.

(ss) Pekerja/ Kakitangan Koperasi

Nyatakan bilangan pekerja/ kakitangan koperasi, tahun semasa dan tahun terdahulu.



BAHAGIAN F: **KEPERLUAN KHUSUS DAN** **PENGECUALIAN**

- AM
- Pembatalan, Pemakaian Dan Tarikh Kuat Kuasa



BAHAGIAN F: KEPERLUAN KHUSUS DAN PENGECUALIAN

60. Keperluan khusus dan pengecualian sebagaimana peruntukan di dalam Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan yang perlu dipatuhi koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan adalah seperti berikut:

60.1 Keuntungan Modal (Peruntukan Perenggan 55(1)(a) Akta)

Suatu koperasi hendaklah mengkreditkan ke dalam Akaun Rizab Modalnya (Akaun Rizab Modal: Jualan Aset) segala keuntungan modal yang diperoleh daripada penjualan tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap.

60.2 Keuntungan Modal Penilaian Semula (Peruntukan Perenggan 55(1)(b) Akta)

Sekiranya koperasi memutuskan untuk menilai semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap bagi tujuan penerbitan syer bonus, maka penilaian tersebut hendaklah mendapat kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 55(1)(b) Akta. Sebarang kenaikan dalam nilai pasaran hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal (Akaun Rizab Modal: Penilaian Aset). Bila mana sesuatu aset tersebut dibuat penilaian semula untuk tujuan penerbitan syer bonus, maka keseluruhan kelas aset tersebut **tidak perlu** dibuat penilaian semula.

60.3 Keuntungan Modal Penilaian Semula Bukan Tujuan Penerbitan Syer Bonus

Sekiranya koperasi menilai semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai aset tetap bagi mematuhi piawaian perakaunan dan bukan bertujuan untuk penerbitan syer bonus, maka kelulusan Suruhanjaya tidak diperlukan dan perlu dinyatakan dalam Nota-Nota Kepada Akaun.

Sebarang kenaikan atau penurunan dalam nilai pasaran aset tersebut dicajkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula: Aset Tetap dan dilaporkan dalam Laporan Lembaga mengikut kehendak perenggan 59(3)(e) Akta. Sekiranya baki Akaun Rizab Penilaian Semula tidak dapat menampung kerugian tersebut, maka ia perlu dipindahkan ke Akaun Untung Rugi. Walau bagaimanapun, bila mana sesuatu aset tersebut dibuat penilaian semula BUKAN untuk tujuan penerbitan syer bonus, maka keseluruhan kelas aset tersebut **perlu** dibuat penilaian semula secara berkala dan susutnilai masih perlu dibuat ke atas nilai baru aset tersebut.

Sekiranya berlaku penjualan aset tersebut, baki Akaun Rizab Penilaian Semula hendaklah dipindahkan ke Akaun Pelupusan Aset. Sekiranya terdapat keuntungan atas penjualan tersebut, keuntungan itu dipindahkan ke Akaun Rizab Modal dan sekiranya berlaku kerugian ianya hendaklah dicaj ke Akaun Untung Rugi.

Penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya sebagai aset tetap untuk tujuan menghapuskan kerugian terkumpul adalah **tidak dibenarkan** mengikut subseksyen 55(2) Akta.

60.4 Geran/ Bantuan

Perlakuan akaun ke atas geran/ bantuan yang diterima hendaklah mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya iaitu GP8: Garis Panduan Mengenai Perakaunan Untuk Geran/ Bantuan.

60.5 Pelaburan Hartanah

Sebarang kenaikan dan penurunan dalam nilai pelaburan hartanah dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana sebelum ini berlaku kejatuhan dalam nilai pelaburan hartanah dan amaun kejatuhan tersebut telah dicajkan sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi, maka amaun yang boleh dikreditkan ke Akaun Untung Rugi daripada kenaikan nilai pelaburan hartanah hanya setakat amaun yang dicajkan sebagai belanja. Sebarang lebihan hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama.

Bagi tanah milik koperasi yang dibangunkan oleh pemaju walaupun masih belum dipindah hakmilik **dan dianggap telah dilupuskan (*deemed disposal*)**, keuntungan daripada pelupusan ini hendaklah diakaunkan **sebagai pendapatan tertangguh/tertunda** di Kunci Kira-Kira. Pengiktirafan pendapatan di akaun untung rugi adalah mengikut terma pembayaran.

60.6 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan boleh diukur menggunakan model kos kecuali instrumen tersiar harga. Koperasi hendaklah menghapuskira kerugian dengan segera dan sepenuhnya jika berlaku rosotnilai/ penjejasan nilai aset (*impairment*) di mana amaun bawaan (*carrying amount*) melebihi amaun boleh pulih (*recoverable amount*).

60.7 Pinjaman/ Pembiayaan Anggota

Aktiviti pemberian pinjaman/ pembiayaan anggota hendaklah mengikut garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Pinjaman/ Pembiayaan anggota adalah diklasifikasi sebagai tak berbayar jika prinsipal atau faedah/ bayaran perkhidmatan/ keuntungan atau kedua-duanya perlu dibayar tetapi tidak dibayar **selama enam (6) bulan atau lebih**.

Faedah/ bayaran perkhidmatan/ keuntungan pinjaman/ pembiayaan yang tidak dibayar akan digantung dan dikreditkan ke dalam akaun faedah/ bayaran perkhidmatan/ keuntungan tergantung dan peruntukan hutang ragu atas pinjaman/ pembiayaan yang tidak dibayar hendaklah **disediakan sepenuhnya** tertakluk kepada arahan/ pekeliling/ garis panduan Suruhanjaya berkaitannya.

Akaun pinjaman/pembiayaan anggota yang tertunggak kurang daripada enam (6) bulan boleh juga diklasifikasikan sebagai pinjaman/pembiayaan anggota tak berbayar jika potensi untuk mendapatkan balik bayaran pinjaman/pembiayaan adalah meragukan. Faktor utama yang boleh diambilkira, di antaranya:

- (i) Status pekerjaan peminjam;
- (ii) Peminjam tidak dapat dihubungi;
- (iii) Majikan menghadapi masalah kewangan; dan
- (iv) Faktor lain yang berisiko tinggi yang membawa kerugian kepada koperasi.

Sesuatu pinjaman/ pembiayaan anggota tak berbayar boleh dikelaskan semula sebagai berbayar jika jumlah tunggakan berkurangan daripada enam (6) bulan dan pendapatan faedah/ keuntungan boleh diambil kira sebagai akruan. Sebagai contoh, jika sesuatu pinjaman/ pembiayaan telah tertunggak selama lapan (8) bulan dan peminjam telah membayar tiga (3) bulan ansuran, pinjaman/ pembiayaan tak berbayar ini boleh dikelaskan semula sebagai pinjaman/ pembiayaan berbayar kerana jumlah tempoh masa tunggakan telah berkurangan daripada enam (6) bulan. Apabila pinjaman/ pembiayaan dikelaskan semula sebagai berbayar, faedah boleh diambil kira sebagai pendapatan secara asas akruan (*accrual basis*).

60.8 Pelaburan Dalam Syer Siar harga Dan Syer Tak Siar harga

Sebarang kenaikan dan penurunan dalam nilai pelaburan syer siar harga hendaklah dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer.

Bagi pelaburan syer tak siar harga, persediaan rosotnilai sepenuhnya perlu dibuat sekiranya Kumpulan Wang Anggota koperasi atau dana pemegang saham syarikat berkenaan berada dalam keadaan defisit dan rosotnilai ini hendaklah ditunjukkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun.

60.9 Modal Syer Ditebus Dan Modal Syer Bonus Ditebus

Koperasi hendaklah menebus modal syer dan syer bonus mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) koperasi. UUK menetapkan bahawa penebusan modal syer dan syer bonus hendaklah melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) dan Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus (KWPSB). Bagi Koperasi yang hendak menebus syer melalui Kumpulan Wang Rizab Statutori hendaklah mematuhi Pekeliling Bilangan 1 tahun 2011.

Perlakuan perakaunan bagi penebusan modal syer/ modal syer bonus adalah seperti berikut:

(i) Anggota Berhenti

Debit: KWPS/ KWRS/ KWPSB	xx	
Kredit: Bank		xx
Debit: Modal Syer/ Syer Bonus	xx	
Kredit: Modal Syer Ditebus/ Syer Bonus Ditebus		xx

Manakala perlakuan perakaunan bagi penerbitan semula modal syer/ modal syer bonus ditebus adalah seperti berikut:

(ii) Anggota Baru/ Tambah Syer

Debit: Bank	xx	
Kredit: KWPS/ KWRS/ KWPSB		xx
Debit: Modal Syer Ditebus*/ Syer Bonus Ditebus	xx	
Kredit: Modal Syer/ Syer Bonus		xx

(*Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah: Debit - Bank dan Kredit - Modal Syer)

60.10 Potongan Kerana Langganan, Cadangan Dividen Atas Syer dan Yuran, dan Cadangan Honorarium

Peruntukan bagi potongan kerana langganan, cadangan dividen atas syer dan yuran serta cadangan honorarium hendaklah diperlakukan sebagai liabiliti semasa.

60.11 Penyata Pendapatan Komprehensif

Pelaporan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi butiran pendapatan komprehensif seperti berikut adalah dikecualikan:-

- (i) Keuntungan dan kerugian disebabkan oleh terjemahan penyata kewangan dari operasi asing (*foreign operation*);
- (ii) Keuntungan dan kerugian aktuari daripada manfaat pekerja;
- (iii) Perubahan dalam nilai saksama (*fair value*) instrumen perlindungan nilai; dan
- (iv) Perubahan dalam peningkatan atas penilaian semula hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara yang diukur mengikut model penilaian semula.

60.12 Pelarasan Tahun-Tahun Terdahulu

Angka perbandingan tidak boleh dinyatakan semula bagi perkara berikut:

- (i) menggunakan MFRS atau MPERS pertama kali; dan
- (ii) pembetulan kesilapan dan ketinggalan dalam tahun terdahulu yang melibatkan keuntungan terkumpul.

Pelarasan yang wujud daripada perkara di atas hendaklah dibuat dalam pelarasan operasi atau bukan operasi dalam Akaun Pembahagian Keuntungan seperti di Para 30 dan 31.

AM

61. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan-peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

62. GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi yang dikeluarkan pada 18 Oktober 2012 adalah dengan ini dibatalkan.

63. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah, pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

64. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan di antara peruntukan yang terdapat di dalam garis panduan ini dengan peruntukan Akta, maka peruntukan Akta hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana garis panduan yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah setakat yang percanggahan atau ketidakselarasan ini disifatkan terbatal.

65. Garis panduan ini dikuat kuasakan pemakaiannya **untuk penyata kewangan meliputi tempoh bermula pada atau 1 Januari 2022**. Pemakaian awal garis panduan ini adalah digalakkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK NORDIN BIN SALLEH)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 15.12.2020

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

LAMPIRAN

Lampiran 1 - Kunci Kira-Kira

Lampiran 2 - Akaun Pembahagian Keuntungan

Lampiran 3 - Akaun Untung Rugi

Lampiran 4 - Penyata Aliran Tunai

Lampiran 5 - Nota-Nota Kepada Akaun



Lampiran 1

KOPERASI XYZ
KUNCI KIRA-KIRA PADA

KOD		RUJUKAN	NOTA	20XX RM	20XX RM
ASET BUKAN SEMASA					
Harta Tanah, Loji Dan Peralatan					
11100	Tanah			x	x
11200	Bangunan			x	x
11300	Kenderaan			x	x
11400	Komputer			x	x
11900	Aset-Aset Lain			x	x
				xx	xx
11910	Aset Geran/ Bantuan	a		x	x
11920	Aset Biologi	b		x	x
11930	Pembangunan Hartanah	c		x	x
11940	Pelaburan Hartanah	d		x	x
11950	Aset Tak Ketara			x	x
12110	Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	e		x	x
12120	Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	e		x	x
12130	<i>Kepentingan Dalam Subsidiari</i>	f		x	x
12131	Pelaburan Dalam Subsidiari			x	x
12134	Hutang Subsidiari			x	x
12140	<i>Kepentingan Dalam Syarikat Bersekutu</i>	f		x	x
12141	Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu			x	x
12144	Hutang Syarikat Bersekutu			x	x
12180	Pelaburan Dalam Usaha Sama	g		x	x
12190	Pelaburan-Pelaburan Lain	h		x	x
12800	Pinjaman/ Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	i		x	x
12900	Akaun Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	j		x	x
12910	Akaun Deposit Koperasi	k		x	x
12920	Cukai Tertunda			x	x
12950	Aset lain Bukan Semasa	l		x	x
				xx	xx

KOD		RUJUKAN	NOTA	20XX RM	20XX RM
ASET SEMASA					
13100	Inventori	m		x	x
13200	Penghutang Perdagangan	n		x	x
13300	Pelaburan Jangka Pendek	o		x	x
13350	Cukai Semasa			x	x
13400	Penghutang Projek/ Kontrak Dalam Pelaksanaan	p		x	x
13500	Pinjaman/ Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	i		x	x
13700	Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	q		x	x
13800	Pelbagai Penghutang	r		x	x
13910	Deposit Tetap	s		x	x
13920	Wang Di Bank	s		x	x
13950	Wang Di Tangan	s		x	x
				xx	xx
				xx	xx
JUMLAH ASET					
DIBIYAI OLEH :					
21111	Modal Syer Anggota	aa		x	x
21112	Modal Syer Bonus	aa		x	x
21120	Modal Yuran Anggota	aa		x	x
21121	Modal Yuran Ditebus			x	x
21311	Modal Syer Ditebus	bb		x	x
21312	Modal Syer Bonus Ditebus	bb		x	x
21500	<i>Akaun Rizab Modal</i>	cc		x	x
21510	Akaun Rizab Modal: Jualan Aset			x	x
21520	Akaun Rizab Modal: Penilaian Aset			x	x
21400	Akaun Rizab Penilaian Semula-Aset Tetap	dd		x	x
21700	<i>Akaun Rizab Nilai Saksama</i>	dd		x	x
21710	Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah			x	x
21720	Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer			x	x
21730	Rizab Nilai Saksama: Aset Biologi			x	x
21740	Rizab Pertukaran Asing			x	x
21601	Kumpulan Wang Penebusan Syer	ee		x	x
21602	Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	ee		x	x
21800	Lain-lain Kumpulan Wang/ Tabung Anggota	ff		x	x
21900	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul			x	x
				xx	xx
KUMPULAN WANG ANGGOTA				xx	xx

KOD		RUJUKAN	NOTA	20XX RM	20XX RM
22100	Kumpulan Wang Rizab Statutori	gg		x	x
22200	Kumpulan Wang/ Tabung Bukan Anggota	hh		x	x
22400	Geran/ Bantuan	ii		x	x
LIABILITI BUKAN SEMASA					
	<i>Pinjaman Jangka panjang</i>	v		x	x
26110	Pinjaman Dari SKM			x	x
26120	Pinjaman Dari Institusi Kewangan lain			x	x
26200	Manfaat Pekerja			x	x
26300	Pendapatan Tertangguh/ Tertunda			x	x
26400	Liabiliti Lain	jj		x	x
26500	Cukai Tertunda			x	x
				xx	xx
LIABILITI SEMASA					
27050	Cukai Tertunda			x	x
27100	Pemiutang Perdagangan	t		x	x
	<i>Simpanan/ Deposit</i>	u		x	x
27210	Simpanan Anggota			x	x
27220	Simpanan Bukan Anggota			x	x
27230	Simpanan/ Deposit Khas			x	x
	<i>Pinjaman Luar Matang 12 Bulan</i>	v		x	x
27310	Pinjaman Dari SKM			x	x
27320	Pinjaman Dari Institusi Kewangan lain			x	x
27610	Manfaat Pekerja			x	x
27410	Fi Audit Suruhanjaya	w		x	x
27420	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	w		x	x
27430	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	w		x	x
27431	ADK Belum Bayar			x	x
27440	Dividen	w		x	x
27450	Honorarium	w		x	x
27460	Amaun Terhutang Kepada Syarikat Berkaitan	x		x	x
27490	Pelbagai Pemiutang	y		x	x
27550	Overdraf Bank	z		x	x
				xx	xx
				xxx	xxx
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI					

Lampiran 2

KOPERASI XYZ
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR

KOD	NOTA	20XX RM	20XX RM
51110	Untung/ (Rugi) Bersih Tahun Semasa	xxx	xxx
51120	Tambah/ Tolak: Pelarasan Operasi	x	x
	Untung/(Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi	xxx	xxx
51130	Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun	(x)	-
51140	Tambah: Pindahan daripada Akaun Rizab Modal (rujuk lampiran 2b)	x	x
		xxx	xxx
	Untung/(Rugi) Bersih Selepas Kerugian Terkumpul	xxx	xxx
	Tolak: Pembahagian Berkanun		
51210	Kumpulan Wang Rizab Statutori	x	x
51220	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)	x	x
51230	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)	x	x
		x	x
	Untung/(Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun	xxx	xxx
	Tolak:		
51360	Peruntukan Cukai	x	x
51370	Peruntukan Zakat	x	x
	Tolak: Pembahagian Lain		
51310	Potongan Langganan	x	x
51320	Dividen Atas Syer	x	x
51330	Dividen Atas Yuran	x	x
51340	Honorarium Lembaga	x	x
51350	Kumpulan Wang/Tabung	x	x
51380	Lain-lain	x	x
		xx	xx
	Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan	x	x
51390	Pindahan daripada Akaun Rizab Am/Penyamaan Dividen ¹	x	x
51400	Campur/ (Tolak): Pelarasan Bukan Operasi	x	(x)
		x	(x)
51500	Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun	-	x
	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul Pada Akhir Tahun	x	(x)

¹ Butiran ini berlaku apabila koperasi menggunakan Akaun Rizab Am/ Penyamaan Dividen untuk tujuan pembayaran dividen menggunakan mana-mana sumber—Rujuk GP2: Garis Panduan Permohonan Pembayaran Dividen Oleh Koperasi (Pindaan) 2012.

AKAUN PEMBAHAGIAN BERKANUN**- Cara Pengiraan Pembahagian Berkanun****1. Koperasi Sekolah**

1.1 Melalui Perintah/Arahan pengecualian daripada Suruhanjaya, koperasi sekolah hanya perlu membuat pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS). Bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah dikecualikan.

1.2 Kadar pemindahan kepada KWRS adalah tertakluk kepada perenggan 57(1)(b) Akta, Perintah/Arahan Pemindahan Kepada KWRS di bawah subseksyen 57(1A) Akta dan GP1: Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori di bawah Subseksyen 57(1A) Dan Perenggan 57(1)(b) Akta seperti berikut:-

BIL	KEDUDUKAN KWRS	PEMINDAHAN KEPADA KWRS
(a)	KWRS kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang daripada 25% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). Walau bagaimanapun mulai tahun kewangan 2009, tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi) tertakluk kepada Arahan Suruhanjaya.
(b)	KWRS adalah 50% tetapi kurang daripada 100% syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi).
(c)	KWRS adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran	Dikecualikan.

2. Koperasi Dewasa

2.1 Bagi koperasi yang untung bersihnya selepas pelarasan operasi kurang daripada RM50,000 (mulai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009 sehingga 30 November 2016) dan kurang daripada RM100,000 (mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016):-

- (i) Adalah dikecualikan daripada membayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (rujuk Perintah/Arahan Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Perintah/Arahan Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi berkaitan); dan

- (ii) Agihan hanya perlu dibuat kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori mengikut perenggan 57(1)(b) Akta, Perintah/Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori di bawah subseksyen 57(1A) Akta dan GP1: Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Dan Perenggan 57(1)(b) Akta seperti berikut:-

BIL	KEDUDUKAN KWRS	PEMINDAHAN KEPADA KWRS
(a)	KWRS kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang daripada 25% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). Walau bagaimanapun mulai tahun kewangan 2009, tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi) tertakluk kepada Arahan Suruhanjaya.
(b)	KWRS adalah 50% tetapi kurang daripada 100% syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi).
(c)	KWRS adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran	Secara sukarela.

Contoh pengiraan pembahagian berkanun adalah seperti berikut:-

	RM
Untung Bersih selepas pelarasan operasi	90,000
Tolak :	
Kumpulan Wang Rizab Statutori ¹	15% 13,500
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-
Baki untung selepas pembahagian berkanun	76,500

¹ Mulai tahun kewangan 2009, pemindahan kepada KWRS adalah tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi) mengikut Perintah/Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori di bawah subseksyen 57(1A) Akta.

- 2.2 Bagi koperasi yang mempunyai untung bersih selepas pelarasan operasi RM50,000 dan pada masa yang sama mengalami kerugian terkumpul pada awal tahun (mulai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009 sehingga 30 November 2016) dan RM100,000 dan ke atas serta kerugian terkumpul pada awal tahun (mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016), penentuan hendaklah dibuat bagi memastikan sama ada untung bersih semasa selepas pelarasan operasi dapat menghapus kira sepenuhnya kerugian terkumpul.

- (i) Sekiranya **kerugian terkumpul masih wujud**, maka pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi tidak perlu dibuat sebagaimana yang ditetapkan dalam subseksyen 57(7) Akta.

Agihan hanya perlu dibuat kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori mengikut perenggan 57(1)(b) Akta, Perintah/ Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori di bawah subseksyen 57(1A) Akta dan GP1: Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Dan Perenggan 57(1)(b) Akta. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

	RM
Untung Bersih Tahun Semasa	120,000
Tolak: Pelarasan Operasi	(20,000)
Untung Bersih Selepas Pelarasan Operasi	100,000
Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun	(130,000)
Baki Kerugian Terkumpul	(30,000)
Tolak: Pembahagian Berkanun (15%)	
Kumpulan Wang Rizab Statutori	15% 15,000
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-
	15,000
Kerugian Selepas Pembahagian Berkanun	(45,000)

- (ii) Sekiranya **kerugian terkumpul dapat dihapus kira sepenuhnya**, pengiraan bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%) adalah **berdasarkan baki untung bersih semasa selepas ditolak kerugian terkumpul** selaras dengan subseksyen 57(7) Akta. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

	RM
Untung Bersih Tahun Semasa	120,000
Tolak: Pelarasan Operasi	(20,000)
Untung Bersih Selepas Pelarasan Operasi	100,000
Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun	(30,000)
Untung Bersih Selepas Kerugian Terkumpul	70,000
Tolak: Pembahagian Berkanun (15%)	
Kumpulan Wang Rizab Statutori	12,900
(RM15,000-RM1,400-RM700)	
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	2% 1,400
(RM70,000 x 2%)	
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	1% 700
(RM70,000 x 1%)	
(15% x RM100,000)	15,000
Untung Selepas Pembahagian Berkanun	55,000

- (iii) Walau bagaimanapun, sekiranya selepas pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi seperti dinyatakan di para 2.2(ii) menyebabkan koperasi mengalami kerugian, maka pembayaran tersebut tidak perlu dibuat. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:

	RM
Untung Bersih Tahun Semasa	120,000
Tolak: Pelarasan Operasi	(20,000)
Untung Bersih Selepas Pelarasan Operasi	100,000
Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun	(90,000)
Untung Bersih Selepas Kerugian Terkumpul	10,000
Tolak: Pembahagian Berkanun (15%)	
Kumpulan Wang Rizab Statutori (15% x RM100,000)	15% 15,000
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-
	15,000
Baki Kerugian Selepas Pembahagian Berkanun	(5,000)

2.3 Bagi koperasi yang mempunyai untung bersih selepas pelarasan operasi RM50,000 dan pada masa yang sama tidak mengalami kerugian terkumpul pada awal tahun (mulai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009 sehingga 30 November 2016) dan RM100,000 dan ke atas serta dan pada masa yang sama tidak mengalami kerugian terkumpul pada awal tahun (mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016), pengiraan untuk Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah mengikut kehendak subseksyen 57(4) Akta seperti berikut:-

BIL	BAYARAN BERKANUN	PEMINDAHAN/PEMBAYARAN
(a)	Kumpulan Wang Rizab Statutori	22% atau 12% atau sukarela daripada untung bersih selepas pelarasan operasi (bergantung kepada amaun KWRS berbanding dengan syer dan yuran)
(b)	Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	2% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi
(c)	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	1% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi

Contoh pengiraan pembahagian berkanun adalah seperti berikut:-

	RM	
Untung Bersih selepas pelarasan operasi	100,000	
Tolak :		
Kumpulan Wang Rizab Statutori ¹	12%	12,000
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi ²	2%	2,000
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi ²	1%	1,000
Baki untung selepas pembahagian berkanun		<u>85,000</u>

¹ **Mulai tahun kewangan 2009, pemindahan kepada KWRS adalah tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi)** mengikut Perintah/Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori di bawah subseksyen 57(1A) Akta. Subseksyen 57(4) Akta membenarkan kadar pembayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi boleh ditolak daripada kadar Kumpulan Wang Rizab Statutori ($15\% - 2\% - 1\% = 12\%$).

² **Manakala bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2011 hingga 30 September 2013 adalah sebanyak 1% daripada untung bersih teraudit** mengikut Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bertarikh 27 Julai 2011. **Kadar bayaran selepas tahun kewangan berakhir 30 September 2013 adalah tertakluk kepada Perintah atau Arahan Suruhanjaya.**

Dalam keadaan di mana koperasi memilih untuk tidak membuat pindahan kepada KWRS kerana telah mencapai 100% atau lebih daripada syer dan yuran, koperasi masih perlu membayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

3. Ringkasan Pengiraan Pembahagian Berkanun adalah seperti berikut:

Jenis Koperasi	Tahun Kewangan	Untung Bersih Teraudit (Selepas Pelarasan Operasi)	KWRS $\geq 100\%$ Syer dan yuran			KWRS $< 100\%$ Syer dan yuran		
			KWRS	KWAPdK*	KWAPbK	KWRS	KWAPdK*	KWAPbK
Sekolah	Jun 2009 hingga November 2016	<RM50,000 Untung bersih semasa Rugi Terkumpul masih wujud Rugi Terkumpul dihapuskira sepenuhnya		dikecualikan		15%	dikecualikan	
				dikecualikan		15%	dikecualikan	
				dikecualikan		15%	dikecualikan	
	Mulai Disember 2016	<RM100,000 Untung bersih semasa Rugi Terkumpul masih wujud Rugi Terkumpul dihapuskira sepenuhnya		dikecualikan		15%	dikecualikan	
Dewasa	Jun 2009 hingga November 2016	<RM50,000 Untung bersih semasa Rugi Terkumpul masih wujud Rugi Terkumpul dihapuskira sepenuhnya		dikecualikan		15%	dikecualikan	
			sukarela	2%	1%	15% - 2% - 1%	2%	1%
			sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
	Mulai Disember 2016	>RM50,000 Untung bersih semasa Rugi Terkumpul masih wujud Rugi Terkumpul dihapuskira sepenuhnya	sukarela	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul	15% - 2% - 1%	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul
			sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
			sukarela	2%	1%	15% - 2% - 1%	2%	1%
	Mulai Disember 2016	>RM100,000 Untung bersih semasa Rugi Terkumpul masih wujud Rugi Terkumpul dihapuskira sepenuhnya		dikecualikan		15%	dikecualikan	
			sukarela	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul	15% - 2% - 1%	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul
			sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	

* Kadar pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bagi Tahun Kewangan 31 Oktober 2011 hingga 30 September 2013 adalah sebanyak 1%.

** Kadar pemindahan kepada KWRS dan pembayaran KWAPdK dan KWAPbK adalah tertakluk kepada Arahan yang dikeluarkan di bawah peruntukan perenggan 57(1A), 57(2)(a) dan 57(2)(b) Akta dari semasa ke semasa.

Jenis Koperasi	Tahun Kewangan	Untung Bersih Teraudit (Selepas Pelarasan Operasi)	KWRS ≥ 100% Syer dan yuran			KWRS < 100% Syer dan yuran		
			KWRS	KWAPdK*	KWAPbK	KWRS	KWAPdK*	KWAPbK
Dewasa	Jun 2009 hingga November 2016	<RM50,000	sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
			sukarela	2%	1%	12%	2%	1%
		≥RM50,000	sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
	Dis 2016 hingga Feb 2020		sukarela	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul	12%	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul
		<RM100,000	sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
		≥RM100,000	sukarela	2%	1%	12%	2%	1%
	Mac 2020 hingga Dis 2020		sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
			sukarela	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul	12%	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul
		≥RM100,000	sukarela	2%	1%	15%	2%	1%
	Jan 2021 hingga Nov 2021		sukarela	dikecualikan		8%	dikecualikan	
		<RM100,000	sukarela	2%	1%	5%	2%	1%
		≥RM100,000	sukarela	2%	1%	8%	2%	1%
Dewasa	Dis 2021 hingga Nov 2022		sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
		<RM50,000	sukarela	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul	12%	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul
		≥RM50,000	sukarela	2%	1%	15%	2%	1%
	Mulai Dis 2022		sukarela	dikecualikan		8%	dikecualikan	
		<RM50,000	sukarela	2%	1%	5%	2%	1%
		≥RM50,000	sukarela	2%	1%	8%	2%	1%
Dewasa	Dis 2021 hingga Nov 2022		sukarela	dikecualikan		5%	dikecualikan	
		<RM50,000	sukarela	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul	12%	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul
		≥RM50,000	sukarela	2%	1%	15%	2%	1%
	Mulai Dis 2022		sukarela	dikecualikan		8%	dikecualikan	
		<RM50,000	sukarela	2%	1%	5%	2%	1%
		≥RM50,000	sukarela	2%	1%	8%	2%	1%
Dewasa	Dis 2021 hingga Nov 2022		sukarela	dikecualikan		15%	dikecualikan	
		<RM50,000	sukarela	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul	12%	2% untung bersih selepas rugi terkumpul	1% untung bersih selepas rugi terkumpul
		≥RM50,000	sukarela	2%	1%	15%	2%	1%
	Mulai Dis 2022		sukarela	dikecualikan		12%	dikecualikan	
		<RM50,000	sukarela	2%	1%	15%	2%	1%
		≥RM50,000	sukarela	2%	1%	12%	2%	1%

Lampiran 2b

**CONTOH KERUGIAN TERKUMPUL
MENGUNAKAN AKAUN RIZAB MODAL**
DIHAPUSKIRA
DENGAN

NOTA	20XX RM
Untung/ (Rugi) Bersih Tahun Semasa	182,000
Tambah/ (Tolak) : Pelarasan Operasi	1,000
Untung/ (Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi	183,000
Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun	(1,215,000)
	(1,032,000)
Tambah: Pindahan daripada Akaun Rizab Modal	1,215,000
Untung/ (Rugi) Bersih Selepas Kerugian Terkumpul	183,000
Tolak: Pembahagian Berkanun	
Kumpulan Wang Rizab Statutori	21,960
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	3,660
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	1,830
	27,450
Untung/ (Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun	155,550
Tolak:	
Peruntukan Cukai	10,000
Peruntukan Zakat	5,000
Tolak: Pembahagian Lain	
Cadangan Dividen	30,000
Cadangan Honorarium	15,000
Kumpulan Wang Kebajikan	15,000
	60,000
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan	80,550
Tambah/ (Tolak): Pelarasan Bukan Operasi	
Pelarasan berkurang catat	(20,000)
	60,550
Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun	-
Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul Pada Akhir Tahun	60,550

Lampiran 2b(i)

CONTOH KERUGIAN TERKUMPUL DI HAPUSKIRA SEPENUHNYA DENGAN MENGGUNAKAN AKAUN RIZAB MODAL

	RUJUKAN	NOTA	20XX RM
Untung/ (Rugi) Bersih Tahun Semasa			182,000
Tambah/ (Tolak): Pelarasan Operasi			1,000
Untung/ (Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi			183,000
Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun			(1,215,000)
			(1,032,000)
 Tambah: Pindahan daripada Akaun Rizab Modal	 37		 1,215,000
Untung/ (Rugi) Bersih Selepas Kerugian Terkumpul			183,000
Tolak: Pembahagian Berkanun			
Kumpulan Wang Rizab Statutori			21,960
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi			3,660
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi			1,830
			27,450
Untung/ (Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun			155,550
Tolak:			
Peruntukan Cukai			10,000
Peruntukan Zakat			5,000
 Tolak: Pembahagian Lain			
Potongan Langganan	43.1		50,000
Dividen Atas Syer	43.2		25,550
Dividen Atas Yuran	43.2		15,000
Honorarium Lembaga	43.3		15,000
Kumpulan Wang/ Tabung	43.4		15,000
			120,550
 Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan			20,000
 Tambah/ (Tolak): Pelarasan Bukan Operasi			(20,000)
 Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul Pada Akhir Tahun	 43.4(c)		 -

*Koperasi hendaklah memohon kelulusan Suruhanjaya subseksyen 57(8), jika kerugian terkumpul tidak dihapuskira sepenuhnya melalui keuntungan semasa walaupun kerugian terkumpul tersebut telah dihapuskira sepenuhnya melalui akaun rizab modal.

Lampiran 3

KOPERASI XYZ
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN BERAKHIR

KOD		NOTA	20XX RM	20XX RM
	PENDAPATAN			
	Pendapatan Aktiviti			
30101	Kredit		x	x
30102	Pemborongan/ Peruncitan		x	x
30103	Stesen Minyak		x	x
30104	Perindustrian		x	x
30105	Ternakan		x	x
30106	Pembangunan Hartanah		x	x
30107	Kontrak		x	x
30108	Pengangkutan		x	x
30109	Perladangan		x	x
30110	Akuakultur		x	x
30111	Perkhidmatan		x	x
30112	Pertanian		x	x
30113	Usaha Sama		x	x
30114	Pelaburan		x	x
30115	Aktiviti Pengguna Lain		x	x
30116	Ar-Rahnu/ Pajak Gadai		x	x
30117	Pelancongan		x	x
30118	Kesihatan dan penjagaan diri		x	x
30150	Aktiviti Lain (nyatakan jenis)		x	x
			x	x
30201	Pendapatan dari Syarikat Bersekutu		x	x
30301	Pendapatan Am (senaraikan)		x	x
30401	Pendapatan Luar Biasa		x	x
			x	x
	JUMLAH		x	x
	PERBELANJAAN			
	Kos Jualan/Kos Aktiviti			
40101	Kredit		x	x
40102	Pemborongan/ Peruncitan		x	x
40103	Stesen Minyak		x	x
40104	Perindustrian		x	x
40105	Ternakan		x	x
40106	Pembangunan Hartanah		x	x
40107	Kontrak		x	x
40108	Pengangkutan		x	x
40109	Perladangan		x	x

KOD		NOTA	20XX RM	20XX RM
40110	Akuakultur		x	x
40111	Perkhidmatan		x	x
40112	Pertanian		x	x
40113	Usaha Sama		x	x
40114	Pelaburan		x	x
40115	Aktiviti Pengguna Lain		x	x
40116	Ar-Rahnu/ Pajak Gadaai		x	x
40117	Pelancongan		x	x
40118	Kesihatan dan penjagaan diri		x	x
40150	Aktiviti Lain (nyatakan jenis)		x	x
			x	x
	Perbelanjaan Am:			
40201	Fi Audit Suruhanjaya		x	x
40201A	Fi Juruaudit Swasta		x	x
40202	Perbelanjaan Lembaga		x	x
40203	Kos Pembiayaan/ Pinjaman		x	x
40204	Peruntukan Hutang Ragu/Lapuk		x	x
40205	Susutnilai Aset		x	x
40206	Rosotnilai/ Penjejasan nilai		x	x
40207	Belanja Mesyuarat Agung		x	x
40208	Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan		x	x
40219	Pelbagai Perbelanjaan (senaraikan dalam nota)		x	x
	JUMLAH		xx	xx
	Keuntungan/ (Kerugian) daripada aktiviti biasa		x	x
30401 / 40401	Pendapatan/ (Perbelanjaan) Luarbiasa		x	x
	Keuntungan/ (Kerugian) Bersih		x	x

Lampiran 3a

Keterangan lanjut berkaitan jenis aktiviti adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS AKTIVITI	KETERANGAN AKTIVITI
i.	Kredit/ Kewangan	Pinjaman/pembiayaan hanya mengambilkira faedah/keuntungan, fi dan caj yang berkaitan.
ii.	Pemborongan dan peruncitan	1. Pemborongan (a) Pusat Pengedaran (DC) (b) Sub-DC (c) Pusat Pengumpulan 2. Peruncitan • Outlet Komuniti (Kedai Runcit, Kedai Mini, Kiosk, Pasaraya dan Hypermarket dan outlet koperasi sekolah.
iii.	Stesen Minyak	Pengurusan stesen dan penjualan minyak petrol/diesel
iv.	Perindustrian	Perkilangan dan pembuatan barang.
v.	Ternakan	Penternakan seperti ayam, kambing, lembu dan sebagainya.
vi.	Pembangunan Hartanah	Projek pembinaan dan pembangunan hartanah. (mempunyai lesen sebagai pemaju pembangunan)
vii.	Kontrak	Kontrak Kerja atau Perkhidmatan seperti Mengangkut Buah Tandan Baru (BTB) dan Buah Tandan Segar (BTS), Pusat Mengumpul Getah (PMG), jual beli getah, pembekalan input pertanian dan infrastruktur.
viii.	Pengangkutan	Sewaan dan jualan tiket kenderaan bermotor seperti teksi, bas, lori, bot, dan lain-lain.
ix.	Akuakultur	Penternakan hidupan air seperti kerang, ikan, udang dan kepah.
x.	Perkhidmatan	Dobi, tadika, restoran/kantin, fotostat, komisen insurans, pengurusan, yuran francais (Francisor) dan perkhidmatan lain.

BIL	JENIS AKTIVITI	KETERANGAN AKTIVITI
xi.	Pertanian	Tanaman hasil singkat (dalam tempoh 12 bulan) seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman lain.
xii.	Perladangan	Tanaman 6 komoditi utama (kelapa sawit, koko, balak paulownia, getah, kenaf dan lada hitam) serta tanaman kontan/buah-buahan berskala besar.
xiii.	Usaha sama	Perusahaan (kegiatan, penghasilan, perniagaan) yang diusahakan bersama oleh dua atau beberapa pengusaha (syarikat dan lain-lain) sebagai suatu perkongsian.
xiv.	Pelaburan	Dividen, jualan pelaburan, faedah simpanan, sewa bangunan, hasil pajakan dan sebagainya yang ada kaitan dengan pelaburan.
xv.	Aktiviti Pengguna lain	Jual/beli barangan pengguna selain daripada aktiviti kedai/pasaraya dan stesen minyak.
xvi.	Ar-Rahnu/Pajak Gadai	Pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) dan konvensional.
xvii.	Pelancongan	Agen pelancongan, hotel, inap desa (homestay), eko-pelancongan, agro-pelancongan dan lain-lain.
xviii.	Kesihatan dan penjagaan diri	Hospital, klinik, pusat dialisis, farmasi, pusat penjagaan, spa, refleksologi dan lain-lain.
xix.	Aktiviti lain	Komisen lain, sewa selain daripada tanah/bangunan, pembalakan, sewa permit dan lain-lain.

Lampiran 4

KOPERASI XYZ
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR

	NOTA	20XX RM	20XX RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan bersih sebelum cukai		xx	xx
Pelarasan Untuk:			
Susutnilai aset		x	x
Pulangan pelaburan		x	x
Belanja faedah		x	x
Pelunasan aset tak ketara		x	x
Peruntukan hutang waham		x	x
Rosotnilai pelaburan		x	x
(Keuntungan)/ kerugian jualan aset tetap		x	x
<i>Untung operasi sebelum perubahan modal kerja</i>		x	x
(Tambahan)/ Kurangan inventori		x	x
(Tambahan)/ Kurangan penghutang		x	x
(Tambahan)/ Kurangan pinjaman anggota		x	x
Tambahan/ (Kurangan) pemiutang		x	x
<i>Tunai diperoleh daripada operasi</i>		x	x
Faedah dibayar		x	x
Cukai pendapatan		x	x
Zakat		x	x
<i>Tunai bersih sebelum perkara luarbiasa</i>		x	x
Perkara-perkara luarbiasa		x	x
<i>Tunai bersih dariada aktiviti operasi</i>		x	x
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori (ADK)		x	x
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		x	x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		x	x
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat		x	x
Potongan langganan		x	x
Honorarium anggota lembaga		x	x
Kumpulan Wang/ Tabung lain		x	x
<i>Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan</i>		x	x

	NOTA	20XX RM	20XX RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Belian aset tetap/ syer pelaburan		x	x
Jualan aset tetap/ syer pelaburan		x	x
(Tambahan)/ Kurangan pelaburan dalam subsidiari/ syarikat bersekutu		x	x
(Tambahan)/ Kurangan amaun terhutang subsidiari/ syarikat bersekutu		x	x
Faedah diterima		x	x
Dividen diterima		x	x
<i>Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan</i>		<u>x</u>	<u>x</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan modal syer/ yuran anggota		x	x
Modal syer/ yuran anggota dikeluarkan		x	x
Terimaan pembiayaan/ pinjaman luar		x	x
Bayaran pembiayaan/ pinjaman luar		x	x
Terimaan simpanan anggota		x	x
Pengeluaran simpanan anggota		x	x
Bayaran faedah simpanan anggota		x	x
Bayaran dividen anggota		x	x
<i>Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan</i>		<u>x</u>	<u>x</u>
Lebihan/ Kurangan tunai dan kesetaraan tunai		x	x
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		<u>x</u>	<u>x</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		<u>x</u>	<u>x</u>

Lampiran 5

PERSEMBAHAN PELAPORAN NOTA-NOTA KEPADA AKAUN

1. Kepentingan Dalam Syarikat Bersekutu – Para 59(f)

Kedudukan aset dan liabiliti syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	20XX RM	20XX RM
Aset Bukan Semasa	xx	xx
Aset Semasa	xx	xx
Liabiliti Bukan Semasa	(xx)	(xx)
Liabiliti Semasa	(xx)	(xx)
	xxx	xxx

Pendapatan dan keuntungan syarikat bersekutu adalah seperti berikut:-

	20XX RM	20XX RM
Pendapatan	xx	xx
Keuntungan Semasa	xx	xx

2. Akaun Deposit Koperasi – Para 59(k)

	20XX RM	20XX RM
Baki pada 1 Januari	xx	xx
Tambahan dalam tahun semasa	xxx	xxx
	xx	xx
Pengeluaran pada tahun semasa	(xx)	(xx)
Baki pada 31 Disember	xxx	xxx
ADK daripada KWRS	xx	xx
ADK daripada Wang Lebihan	xx	xx
Baki Akhir Tahun	xxx	xxx

3. Modal Syer Anggota, Syer Bonus dan Modal Yuran Anggota – Para 59(aa)

Maklumat yang perlu dimuatkan dalam Nota-Nota Kepada Akaun bagi Modal Syer dan Modal Yuran adalah seperti di bawah :-

PERKARA	BILANGAN ANGGOTA	MODAL SYER (RM)	MODAL YURAN (RM)
Baki pada awal tahun	xx	xx	xx
Tambahan dalam tahun	xx	xx	xx
Dividen dikreditkan	xx	xx	xx
	xxx	xxx	xxx
Kurangan dalam tahun	(xx)	(xx)	(xx)
Baki pada akhir tahun	xxx	xxx	xxx

Manakala bagi Syer Bonus, maklumat yang perlu diperincikan adalah seperti di bawah :-

PERKARA	PUNCA TERBITAN SYER BONUS					JUMLAH
	PENJUALAN TANAH/ BANGUNAN	PENILAIAN SEMULA TANAH/ BANGUNAN	SYER DITEBUS	SYER BONUS DITEBUS	KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	
Baki pada awal tahun	xx	xx	xx	xx	xx	xx
Tambahan dalam tahun	xx	xx	xx	xx	xx	xx
Dividen dikreditkan	xx	xx	xx	xx	xx	xx
	xxx	xxx	xxx	xxx	xxx	xxx
Kurangan dalam tahun	(xx)	(xx)	(xx)	(xx)	(xx)	(xx)
Baki pada akhir tahun	xx	xx	xx	xx	xx	xx

4. Perincian Perbelanjaan Lembaga – Para 59(nn)

BIL	NAMA ANGGOTA LEMBAGA	JAWATAN	ELAUN TETAP RM	ELAUN MESYUARAT RM	PERBELANJAAN / ELAUN PERJALANAN RM	LAIN-LAIN PERBELANJAAN / ELAUN RM	JUMLAH RM
JUMLAH							

5. Persembahan Pelaporan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) – Para 59(gg)

	20XX RM	20XX RM
Baki pada 1 Januari	xx	xxx
Tambahan dalam tahun semasa*	xx	xx
	xxx	xxx
Pengeluaran pada tahun semasa*	(xx)	(xx)
Baki pada 31 Disember	xxx	xxx

* Koperasi telah diarahkan memindahkan caruman semasa KWRS bermula tahun kewangan YYYY ke dalam Akaun Deposit Koperasi (ADK). Pergerakan akaun KWRS-ADK adalah seperti berikut:

	20XX RM	20XX RM
Baki pada 1 Januari	xx	xxx
Tambahan dalam tahun semasa	xx	xx
	xxx	xxx
Pengeluaran pada tahun semasa	(xx)	(xx)
Baki pada 31 Disember	xxx	xxx

Contoh : Akaun Deposit Koperasi

TAHUN KEWANGAN (TK)	UNTUNG BERSIH TERAUDIT	KWRS	DEPOSIT DI ADK
2018	RM 800,000	RM 96,000	-
2019	RM 900,000	RM 108,000	RM 96,000
2020	RM 1,000,000	RM 50,000	RM 204,000

1. Pembahagian Berkanun bagi KWRS TK 2020 pada 31 Disember 2020

Dt Akaun Pembahagian Keuntungan	RM 50,000
Kt Kumpulan Wang Rizab Statutori	RM 50,000

2. KWRS semasa TK 2020 diakrukan pada 31 Disember 2020

Dt Akaun Deposit Koperasi	RM 50,000
Kt ADK Belum Bayar	RM 50,000

3. Mendeposit KWRS TK 2019 ke ADK dalam tahun 2020 ke CBP

Dt ADK Belum Bayar	RM 108,000
Kt Bank	RM 108,000

NOTA XX - AKAUN DEPOSIT KOPERASI (ADK)

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	204,000	-
Tambahan dalam tahun:		
2018	-	96,000
2019	-	108,000
2020	50,000	-
Baki pada 31 Disember	254,000	204,000
ADK daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)	254,000	204,000
ADK daripada Wang Lebihan	-	-
	254,000	204,000

Koperasi telah diarah untuk memindahkan caruman semasa KWRS bermula tahun kewangan 31 Disember 2018 dalam Akaun Deposit Koperasi (ADK) selaras dengan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019: Arahan Mendeposit Ke Dalam Akaun Deposit Koperasi bertarikh 12 Ogos 2019.

NOTA XX - AKAUN DEPOSIT KOPERASI (ADK) BELUM BAYAR

	2020	2019
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	108,000	96,000
Tambahan dalam tahun:	50,000	108,000
	<u>158,000</u>	<u>204,000</u>
Kurangan dalam tahun	(108,000)	(96,000)
Baki pada 31 Disember	<u>50,000</u>	<u>108,000</u>

NOTA XX - KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2020	2019
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	1,108,000	1,000,000
Tambahan dalam tahun:	50,000	108,000
	<u>1,158,000</u>	<u>1,108,000</u>
Kurangan dalam tahun	-	-
Baki pada 31 Disember	<u>1,158,000</u>	<u>1,108,000</u>

Contoh : Akaun Aset Biologi**Aset Biologi**

Aset biologi merujuk kepada tanaman atau ternakan yang mempunyai jangka hayat melebihi setahun dan memberi manfaat ekonomi secara berterusan.

Aset biologi – tanaman atau ternakan secara komersial (profit oriented) contohnya **tanaman kelapa sawit, durian dan ternakan lembu.**

Tanaman hidup diukur pada **kos tolak pelunasan terkumpul mengikut tempoh hayat kegunaan aset tersebut (cth: jangka hayat pokok untuk menghasilkan buah) bermula pada tarikh penanaman pertama.**

Kos tanaman hidup terdiri daripada **kos pembangunan untuk penanaman dari penyemaian benih atau cantuman tunas sehingga tanaman tersebut matang.**

Ternakan **diukur pada nilai saksama tolak kos untuk menjual** pada akhir setiap tarikh pelaporan.

NOTA XX - ASET BIOLOGI

	2020 RM	2019 RM
Kos		
Baki pada 1 Januari	2,900,000	-
Tambahan	-	2,900,000
Perbelanjaan dipermodalkan	465,062	-
Hapuskira	-	-
	<u>3,365,062</u>	<u>2,900,000</u>
Pelunasan Terkumpul		
Baki pada 1 Januari	-	-
Pelunasan dalam tahun	(8,314)	-
	<u>(8,314)</u>	<u>-</u>
 Nilai bawaan pada 31 Disember	 <u>3,356,748</u>	 <u>2,900,000</u>

Tambahan aset biologi dalam tahun 2019 berjumlah RM2,900,000 adalah merupakan harga belian berdasarkan laporan penilaian yang dibuat oleh jurunilai bertauliah.

NOTA XX - ASET BIOLOGI (SAMB.)

Ternakan	2020 RM	2019 RM
Nilai Saksama		
Baki pada 1 Januari	316,750	-
Tambahan Aset Biologi : Pembelian	-	309,150
Kelahiran Tahun Semasa	35,500	21,077
Penjualan / Pelupusan	(4,700)	-
Pindahan ke Inventori	(267,000)	-
Untung / (Rugi) dari Pengukuran Aset Biologi	10,500	(13,477)
Baki pada 31 Disember	<u>91,050</u>	<u>316,750</u>

Nilai saksama aset biologi ditentukan mengikut harga yang diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

GP2 : GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH KOPERASI (PINDAAN) 2012

Bahagian A : Pengenalan

Bahagian B : Pembayaran Dividen

Bahagian C : Asas-Asas Pertimbangan

Bahagian D : Dokumen Yang Perlu Dikemukakan





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP2: GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH KOPERASI (PINDAAN) 2012

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) bertujuan untuk menjelaskan asas-asas yang digunakan bagi koperasi membuat permohonan pembayaran dividen atas syer atau yuran, atau kedua-duanya di bawah perenggan 57(5)(b) dan subseksyen 57(8) Akta.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“baki keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun” ertinya keuntungan bersih teraudit selepas ditolak bayaran kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi;

“dividen” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta;

“mana-mana sumber selain untung bersih teraudit” termasuklah rizab am, keuntungan terkumpul dan kumpulan wang penyamaan dividen;

“syer” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta;

“yuran” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta.

LATAR BELAKANG

3. Terdapat koperasi yang mengisytihar dan meluluskan kadar dividen yang tinggi di mesyuarat agung tahunannya. Ini boleh menjejaskan operasi atau aktiviti perniagaan dan kedudukan kewangan koperasi.

4. Di samping itu, terdapat beberapa koperasi telah mencadang dan meluluskan dividen bagi tahun-tahun kebelakangan sedangkan pada tahun-tahun tersebut akaun teraudit bersama dengan cadangan pembahagian keuntungan yang lain telahpun mendapat kelulusan mesyuarat agung tahunan berkenaan.

5. Terdapat juga koperasi yang membuat cadangan untuk membayar dividen ke atas simpanan atau deposit anggota. Ini adalah tidak selaras dengan perenggan 57(5)(b) Akta kerana dividen hanya boleh dibayar atas syer dan yuran sahaja. Pulangan ke atas simpanan atau deposit anggota perlu diakaunkan dalam Akaun Untung Rugi sebagai belanja.

6. Koperasi sepatutnya mempunyai polisi pemberian dividen yang stabil berasaskan prestasi sebenar kewangannya. Oleh itu, walaupun pada sesuatu tahun kewangan koperasi mempunyai keuntungan yang berlipat kali ganda dan boleh mengisytiharkan dividen yang lebih tinggi, lebihan keuntungan tersebut sepatutnya digunakan bagi menampung pembayaran dividen di masa hadapan sekiranya keuntungan koperasi merosot dan juga bagi meningkatkan modal dalaman untuk tujuan pengembangan aktiviti atau perniagaan koperasi.

BAHAGIAN B: PEMBAYARAN DIVIDEN

7. Bagi koperasi yang **mempunyai keuntungan bersih tahun semasa dan tidak mempunyai kerugian terkumpul**, pembayaran dividen oleh koperasi adalah diperuntukkan di bawah perenggan 57(5)(b) Akta. Peruntukan perenggan ini juga menekankan bahawa koperasi boleh menggunakan untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan untuk pembayaran dividen **selepas membuat bayaran** seperti berikut:

- (a) tidak kurang daripada **25% atau 15%** daripada untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan ke dalam Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) menurut subseksyen 57(1) Akta (**tertakluk kepada Perintah yang dikeluarkan dari semasa ke semasa**); dan
- (b) bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi menurut subseksyen 57(2) Akta.

8. Koperasi juga dikehendaki membuat peruntukan cukai dan zakat, jika ada dalam Akaun Pembahagian Keuntungan.

9. Ini juga bermakna pada setiap tahun kewangan selepas pembayaran dan peruntukan di perenggan 7 dan 8 di atas, koperasi sepatutnya telah mencadangkan pembayaran dividen dalam Akaun Pembahagian Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut. **Oleh itu, pembayaran dividen bagi tahun-tahun kebelakangan adalah tidak dibenarkan.**

10. Di bawah perenggan 57(5)(b) Akta, koperasi dibenarkan membayar dividen dalam dua keadaan iaitu:

- (a) **pembayaran dividen dengan menggunakan sepenuhnya baki keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun dan peruntukan cukai dan zakat.**

Bagi pembayaran dividen ini, kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran, atau kedua-duanya oleh koperasi (yang bukan diiktiraf sebagai 'coopbank') hendaklah tidak melebihi **10%** setahun daripada syer atau yuran kecuali **dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya).**

Manakala apa-apa kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran oleh koperasi yang diiktiraf sebagai 'co-opbank' adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya.

Kedua-dua kehendak di atas adalah mengikut **Arahan SKM Bilangan 1 Tahun 2011.**

- (b) pembayaran dividen dengan menggunakan sepenuhnya baki keuntungan bersih (selepas pembahagian berkanun, peruntukan cukai dan zakat) dan mana-mana sumber. Bagi pembayaran dividen ini, kelulusan terlebih dahulu daripada Suruhanjaya perlu diperoleh sepertimana kehendak perenggan 57(5)(b) Akta. Kadar maksimum yang ditetapkan adalah terhad sebanyak 10% sahaja atas modal syer atau yuran, atau kedua-duanya. Ini bermakna bahawa koperasi yang untung bersih terauditnya bagi tahun semasa tidak mencukupi untuk membayar dividen boleh memohon untuk menggunakan mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi menampung kekurangan tersebut dengan syarat jumlah kadar dividen yang dibayar **tidak melebihi 10%**.

Sebagai contoh, sesebuah koperasi yang hanya mampu membayar dividen pada kadar **6%** sahaja atas modal syer atau yuran daripada baki keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun, dibenarkan membuat tambahan dividen **4%** yang boleh diambil daripada mana-mana sumber (seperti keuntungan terkumpul) untuk menjadikan kadar dividen **10%** bagi tahun berkenaan.

Perkara ini ditunjukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan seperti di **Lampiran 1**.

11. Koperasi yang mempunyai kerugian tahun semasa tidak boleh menggunakan mana-mana sumber untuk membayar dividen selaras dengan subseksyen 57(6) Akta.
12. Menurut peruntukan subseksyen 57(8) Akta, sesuatu koperasi yang kerugian terkumpulnya telah tidak dihapuskan sepenuhnya boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menggunakan untung bersih terauditnya untuk pembayaran dividen dalam mana-mana kes **tidak boleh melebihi 5%** jumlah syer atau yuran anggota, atau kedua-duanya.

BAHAGIAN C : ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

13. Asas pertimbangan yang digunakan bagi pembayaran dividen melebihi kadar **10%** yang menggunakan sepenuhnya **baki keuntungan bersih** selepas pembahagian berkanun dan peruntukan cukai dan zakat **di bawah perenggan 57(5)(b) Akta** dan Arahan SKM Bilangan 1 Tahun 2011 termasuk koperasi yang diiktiraf sebagai 'coopbank' adalah seperti di **Lampiran 2**.
14. Asas pertimbangan yang digunakan bagi pembayaran dividen yang menggunakan sepenuhnya **baki keuntungan bersih** (selepas pembahagian berkanun, termasuk peruntukan cukai dan zakat) **dan mana-mana sumber di bawah perenggan 57(5)(b) Akta** adalah seperti di **Lampiran 3**.
15. Asas pertimbangan yang digunakan bagi pembayaran dividen oleh koperasi yang masih mengalami **kerugian terkumpul di bawah subseksyen 57(8) Akta** adalah seperti di **Lampiran 4**.

BAHAGIAN D : DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

16. Bagi permohonan pembayaran dividen secara bertulis, koperasi perlu mengemukakan satu salinan dokumen seperti berikut:

- (a) surat permohonan pembayaran dividen oleh koperasi;
- (b) cabutan minit mesyuarat agung tahunan semasa yang meluluskan pembayaran dividen yang telah disahkan;
- (c) penyata akaun teraudit bagi tahun kewangan yang dipohon;
- (d) penyata bank koperasi yang terkini **(muka surat terakhir sahaja bagi setiap bank)** atau penyata pengesahan ke atas setiap baki bank dan simpanan tetap atau pelaburan mudharabah, jika ada; dan
- (e) bukti bayaran bagi apa-apa tanggungan kepada kerajaan seperti fi audit Suruhanjaya, bayaran kompaun, bayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) atau Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK), jika ada.

AM

17. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta, Peraturan-Peraturan dan perintah. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA


18. Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 9 Tahun 2005 – Garis Panduan Bagi Permohonan Pembayaran Dividen Oleh Koperasi bertarikh 30 Julai 2005 dan GP2: Garis Panduan Mengenai Pembayaran Dividen Di bawah Perenggan 57(5) (b) Akta Koperasi 1993 bertarikh 11 November 2008 adalah dengan ini dibatalkan.

19. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan – Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

20. Garis panduan ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai **1 Januari 2013**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 18 OKTOBER 2012

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

Lampiran 1

KOPERASI ABC BERHAD
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

		RM
Untung Bersih Tahun Semasa		75,000.00
Tolak : Pembahagian Berkanun (15%)		
Kumpulan Wang Rizab Statutori	13%	9,750.00
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	1% *	750.00
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	1%	750.00
		11,250.00
Baki Untung Bersih Selepas Pembahagian Berkanun		63,750.00
Tolak : Peruntukan Cukai		3,000.00
Tolak : Peruntukan Zakat		1,000.00
		59,750.00
Tolak : Pembahagian Lain		
Cadangan Dividen (10% x RM800,000 modal syer)		80,000.00 #
Kumpulan Wang Kebajikan Am		5,750.00
Honorarium Lembaga		10,000.00
		95,750.00
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagikan		(36,000.00)
Keuntungan Berkumpul Pada Awal Tahun		150,000.00
Keuntungan Berkumpul Pada Akhir Tahun		114,000.00

* Berdasarkan kepada Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi yang dikeluarkan pada 27.7.2011.

Daripada cadangan dividen berjumlah RM80,000.00, sebanyak RM44,000.00 (5.5%) adalah daripada untung bersih teraudit tahun semasa dan RM36,000.00 (4.5%) lagi daripada Keuntungan Berkumpul.

Lampiran 2

Asas Pertimbangan Yang Digunakan Bagi Pembayaran Dividen Di Bawah **Para 10(a) Garis Panduan** ini adalah seperti berikut:

1. Pematuhan Kepada Perenggan 57(1)(b) Akta Dan Perintah Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) Di Bawah Subseksyen 57(1A) Akta

Pindahan ke KWRS daripada untung bersih teraudit bagi tahun itu hendaklah dipatuhi oleh koperasi sepertimana kehendak perenggan 57(1)(b) Akta atau tertakluk kepada Perintah yang berkuat kuasa.

2. Pematuhan Kepada Pekeliling Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2009 - Panduan Mengenai Penyenggaraan KWRS

Mengikut pekeliling ini, koperasi diminta mengasingkan KWRS ke dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah tidak tercagar bagi mewakili KWRS. Bagi maksud ini, koperasi hendaklah memastikan amaun minimum aset yang mewakili KWRS ialah 15% daripada jumlah KWRS pada setiap masa.

3. Pematuhan Kepada Subseksyen 57(2) Akta

Bayaran caruman semasa kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi hendaklah dibayar oleh koperasi. Sekiranya koperasi yang mempunyai tunggakan bayaran bagi kedua-dua kumpulan wang tersebut, ia hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum permohonan pembayaran dividen ini diproses untuk perakuan kelulusan.

4. Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) Atau Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK)

Koperasi tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran balik ke atas pinjaman TMP atau TPCK dan mematuhi jadual bayaran seperti dalam perjanjian. Sekiranya koperasi mempunyai tunggakan bayaran balik, ia hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum permohonan pembayaran dividen ini diproses untuk perakuan kelulusan.

5. Bayaran Fi Audit Suruhanjaya Dan Kompaun

Koperasi tidak mempunyai tunggakan bayaran fi audit Suruhanjaya dan kompaun yang belum dijelaskan. Sekiranya ada tunggakan atau bayaran yang belum dijelaskan, ia hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum permohonan pembayaran dividen ini diproses untuk perakuan kelulusan.

6. Laporan Juruaudit

Laporan Juruaudit ke atas penyata kewangan teraudit koperasi adalah laporan audit bersih (tanpa syarat). Jika ia laporan bersyarat, perkara yang diberi teguran adalah tidak memberi kesan material atau signifikan kepada akaun khususnya ke atas keuntungan bersih koperasi. Sekiranya ada yang memberi kesan material atau signifikan kepada akaun, koperasi hendaklah mengambilkira kesannya agar dividen yang dicadangkan berasaskan keuntungan sebenar.

Contoh perkara yang memberi kesan material ialah pengiktirafan pendapatan yang tidak menepati piawaian, tidak membuat peruntukan hutang ragu ke atas penghutang atau tidak membuat rosotnilai ke atas pelaburan syer.

7. Pandangan Suruhanjaya Di Bawah Subsekyen 59(2) Akta

Pandangan Suruhanjaya yang bersih (tiada isu) atau sekiranya ada isu, ia tidak memberi kesan material kepada akaun khususnya ke atas keuntungan bersih koperasi. Sekiranya ada perkara material, koperasi hendaklah mengambilkira kesannya agar dividen yang dicadangkan berasaskan prestasi sebenar. Contohnya adalah sama seperti di perenggan 6 di atas.

Selain itu, koperasi hendaklah juga mengambilkira pelarasan kewangan sepertimana yang diarahkan oleh Pandangan Suruhanjaya ke atas akaun tahun sebelumnya selaras dengan peruntukan subseksyen 59(2A) yang mungkin memberi kesan kepada keuntungan serta cadangan dividen yang hendak dibuat.

8. Kemampuan Kewangan

Koperasi yang bercadang untuk membayar dividen hendaklah menggunakan dana dalaman dan bukan daripada pinjaman luar. Selepas pembayaran dividen, koperasi hendaklah mempunyai dana yang mencukupi untuk membiayai operasinya tanpa meminjam daripada mana-mana punca atau penjualan aset.

9. Kedudukan Kecairan

Koperasi hendaklah mempunyai kedudukan kecairan yang memuaskan dan mencukupi untuk menanggung liabilitinya. Kadar dividen yang dicadangkan oleh koperasi hendaklah munasabah dan tidak akan menjejaskan operasi perniagaan dan kedudukan kewangannya. Koperasi hendaklah mempunyai **nisbah semasa** sekurang-kurangnya pada kadar **1:1** setelah mengambilkira cadangan dividen dan honorarium, jika ada. Dalam hal ini juga, komponen aset semasa sewajarnya paling minimum **15%** diwakili oleh aset cair atau mudah cair.

10. Kecukupan Peruntukan Bagi Hutang Ragu, Hutang Lapuk Dan Rosotnilai Pelaburan

Koperasi hendaklah mewujudkan peruntukan yang mencukupi bagi hutang ragu, hutang lapuk dan rosotnilai pelaburan supaya Kunci Kira-Kira dapat memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi.

Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 56 Akta. Kegagalan untuk mewujudkan peruntukan hutang ragu, hutang lapuk dan rosotnilai yang mencukupi akan menunjukkan keuntungan yang tidak munasabah.

Bagi koperasi yang menjalankan aktiviti kredit, pematuhan kepada Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 15 Tahun 2005 (Garis Panduan Bagi Mengklasifikasikan Pinjaman Tak Berbayar dan Peruntukan bagi Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu) atau perundangan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

11. Prestasi Dan Keuntungan Koperasi

Koperasi hendaklah mempunyai prestasi dan keuntungan yang stabil serta ada peningkatan dalam pendapatan atau perolehan di mana sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah pendapatan adalah daripada aktiviti koperasi. Dalam pada itu, pengiktirafan pendapatan hendaklah mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai ataupun apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berkaitan piawaian perakaunan dan bentuk pelaporan penyata kewangan.

12. Pelarasan Operasi Dan Bukan Operasi

Jika ada pelarasan operasi dan bukan operasi di Akaun Pembahagian Keuntungan, pelarasan tersebut hendaklah mengikut perlakuan perakaunan sepertimana dalam Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2005 - Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan Koperasi atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berkaitan piawaian perakaunan dan bentuk pelaporan penyata kewangan.

13. Rizab Masa Hadapan

Koperasi perlu memindahkan sekurang-kurangnya **10%** daripada baki keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun dan lain-lain pembahagian sebagai rizab bagi tujuan keperluan perniagaan dan aktiviti masa hadapan. Sekiranya keuntungan terkumpul koperasi dan lain-lain kumpulan wang atau tabung mewakili **25%** daripada kumpulan wang anggota, maka pindahan **10%** di atas adalah tidak tertakluk.

Lampiran 3

Asas Pertimbangan Yang Digunakan Bagi Pembayaran Dividen Di Bawah Para 10(b) Garis Panduan ini adalah sama seperti perenggan 1 hingga 10 dan 12 di Lampiran 2 serta perkara-perkara berikut:

1. Prestasi Dan Keuntungan Koperasi

Koperasi mempunyai prestasi dan keuntungan yang stabil. Sekiranya berlaku kemerosotan dalam keuntungan bersih, penurunan tersebut hendaklah tidak signifikan berbanding tahun sebelumnya.

2. Penggunaan Mana-Mana Sumber (Keuntungan Berkumpul, Rizab Am Dan Kumpulan Wang Penyamaan Dividen)

Koperasi mempunyai mana-mana sumber yang mencukupi bagi menampung pembayaran dividen. Contoh pengiraan bagi penggunaan mana-mana sumber adalah seperti di bawah:

	RM
Untung Bersih	50,000
Tolak : Pembahagian Berkanun	7,500
Baki untung bersih selepas pembahagian berkanun	<u>42,500</u>
 Tolak : Lain-lain Pembahagian	
Cadangan Dividen (10%)	50,000
Kekurangan	<u>(7,500)</u>
 Keuntungan Berkumpul Pada Awal Tahun	<u>40,000</u>
Keuntungan Berkumpul Pada Akhir Tahun	<u>32,500</u>

Nota : Ini bermakna koperasi telah menggunakan RM7,500 daripada keuntungan berkumpul pada awal tahun untuk menampung cadangan dividen.

Lampiran 4

Asas Pertimbangan Yang Digunakan Bagi Pembayaran Dividen Oleh Koperasi Di Bawah **Subseksyen 57(8) Akta** ini adalah sama seperti **perenggan 1, 3 hingga 10 dan 12 di Lampiran 2** serta perkara-perkara berikut:

1. Pematuhan Kepada Pekeliling Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2009 - Penyenggaraan KWRS

Mengikut pekeliling ini koperasi diminta mengasingkan KWRS ke dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah tidak tercagar bagi mewakili KWRS. Bagi maksud ini, koperasi hendaklah memastikan amaun minimum aset yang mewakili KWRS ialah **2%** daripada jumlah KWRS pada setiap masa.

2. Prestasi Dan Keuntungan Koperasi

Prestasi dan keuntungan yang stabil dan ada peningkatan keuntungan berbanding tahun-tahun sebelumnya dan terdapat trend dalam penurunan kerugian terkumpul. Dalam pada itu, sekurang-kurangnya **80%** daripada jumlah pendapatan adalah daripada aktiviti koperasi.

Pengiktirafan pendapatan hendaklah mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai ataupun apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berkaitan piawaian perakaunan dan bentuk pelaporan penyata kewangan.

3. Rizab Masa Hadapan

Koperasi hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya **sepuluh peratus (10%)** daripada keuntungan bersih bagi mengurangkan atau menghapuskan kerugian terkumpulnya.

GP22 : GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAYARAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Bahagian A : Pengenalan

Bahagian B : Pembayaran Honorarium

Bahagian C : Dokumen Yang Perlu Dikemukakan





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP22: GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAYARAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) bertujuan untuk menjelaskan asas-asas yang digunakan bagi koperasi membuat permohonan pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga koperasi (ALK) di bawah perenggan 57(5)(c) Akta.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“baki keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun” ertinya keuntungan bersih teraudit selepas ditolak bayaran kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi;

“honorarium” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta;

“Lembaga” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta.

LATAR BELAKANG

3. Pembayaran honorarium kepada ALK adalah sebagai penghargaan ke atas perkhidmatan serta sumbangan tenaga dan masa mereka dalam menguruskan aktiviti koperasi. Pembayaran dibuat kerana mereka bukanlah pekerja koperasi yang lazimnya tidak diberi saaraan.

4. Selain daripada honorarium, ALK juga menerima pelbagai bentuk elaun dan kemudahan daripada koperasi seperti elaun tetap, elaun menghadiri mesyuarat dan elaun-elaun lain. Bagaimanapun bayaran ini tidak boleh melebihi jumlah wang yang ditetapkan oleh mesyuarat agung di bawah subseksyen 46(1) Akta. Bagi ALK yang mewakili koperasi sebagai Lembaga pengarah dalam subsidiari juga boleh dibayar elaun oleh subsidiari berkenaan dengan kelulusan mesyuarat agung seperti diperuntukkan dalam subseksyen 46(2) Akta.

5. Pembayaran honorarium ini sepatutnya mengambilkira beberapa faktor dan antaranya ialah prestasi koperasi, elaun dan kemudahan yang telah diterima oleh ALK serta sumbangan yang diberi oleh mereka dalam koperasi. Bagaimanapun terdapat koperasi yang membayar honorarium tanpa mengambilkira faktor di atas.

6. Oleh itu, garis panduan ini dikeluarkan untuk memberi panduan agar kadar honorarium yang dibayar kepada ALK adalah wajar dan munasabah.

BAHAGIAN B : PEMBAYARAN HONORARIUM

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

7. Pembayaran honorarium adalah diperuntukkan di bawah perenggan 57(5)(c) Akta yang menerangkan bahawa koperasi boleh menggunakan untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan untuk pembayaran honorarium selepas membuat bayaran seperti berikut:

- (a) tidak kurang daripada **25%** atau **15%** daripada untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan ke dalam Kumpulan Wang Rizab Statutori menurut subseksyen 57(1) Akta (**tertakluk kepada Perintah yang dikeluarkan dari semasa ke semasa**); dan
- (b) bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi menurut subseksyen 57(2) Akta.

8. Koperasi juga dikehendaki membuat peruntukan cukai dan zakat dalam Akaun Pembahagian Keuntungan.

9. Ini juga bermakna pada setiap tahun kewangan selepas pembayaran dan peruntukan di para 7 dan 8 di atas, koperasi sepatutnya telah mencadangkan pembayaran honorarium dalam Akaun Pembahagian Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut. **Oleh itu, pembayaran honorarium bagi tahun-tahun kebelakangan adalah tidak dibenarkan.**

10. Menurut perenggan 57(5)(c) Akta, pembayaran honorarium ALK tidak boleh melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya.

11. Pembayaran honorarium kepada selain daripada ALK adalah tidak dibenarkan mengikut perenggan 57(5)(c) Akta.

12. Selain itu, menurut subseksyen 57(6) Akta, antara lain menyatakan tiada honorarium boleh dibayar kepada ALK kecuali daripada untung bersih teraudit koperasi.

13. Menurut subseksyen 57(7) Akta, tiada honorarium boleh dibayar kepada ALK melainkan jika dan sehingga semua kerugian terkumpul koperasi, jika ada, telah dihapuskan sepenuhnya.

HAD PEMBAYARAN HONORARIUM

14. Pada asasnya, koperasi dibenarkan membuat cadangan untuk membayar honorarium dalam dua keadaan iaitu –

- (a) tidak melebihi **10%** daripada baki untung bersih teraudit selepas pembahagian berkanun **atau RM150,000** mana yang lebih rendah; atau
- (b) **melebihi** amaun **RM150,000** bagi koperasi yang mematuhi kriteria berikut:
 - (i) untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berkenaan mestilah melebihi **RM30 Juta**;
 - (ii) pulangan atas ekuiti (return on equity) sekurang-kurangnya pada kadar **8%**; dan
 - (iii) pulangan atas aset (return on asset) sekurang-kurangnya pada kadar **6%**.

ASAS-ASAS PERTIMBANGAN

15. Dalam membuat cadangan pembayaran honorarium yang munasabah, koperasi hendaklah mengambilkira perkara-perkara di **Lampiran 1**.

BAHAGIAN C : DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

16. Bagi permohonan pembayaran honorarium secara bertulis, koperasi perlu mengemukakan satu salinan dokumen seperti berikut:

- (a) surat permohonan pembayaran honorarium oleh koperasi;
- (b) cabutan minit mesyuarat agung tahunan yang meluluskan pembayaran honorarium yang telah disahkan;
- (c) senarai anggota lembaga koperasi yang akan menerima honorarium dan jumlah diterima untuk setiap orang;
- (d) penyata akaun teraudit bagi tahun kewangan yang dipohon;
- (e) penyata bank koperasi yang terkini (**muka surat terakhir bagi setiap bank**) atau penyata pengesahan ke atas setiap baki bank dan simpanan tetap atau pelaburan mudharabah, jika ada; dan
- (f) bukti bayaran bagi apa-apa tanggungan kepada kerajaan seperti fi audit Suruhanjaya, bayaran kompaun, bayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dan pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) atau Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK), jika ada.

AM

17. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta, Peraturan-Peraturan dan perintah. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

18. **Pembayaran honorarium bagi amaun RM1,000 ke bawah tertakluk kepada tidak melebihi 10% daripada baki untung bersih teraudit selepas pembahagian berkanun, kelulusan daripada Suruhanjaya adalah dikecualikan** dengan syarat koperasi itu mempunyai baki keuntungan bersih yang mencukupi selepas pembahagianberkanun dan tidak mempunyai kerugian terkumpul.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA


19. Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 10 Tahun 2005 – Garis Panduan Bagi Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi bertarikh 30 Julai 2005 dan Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2006 – Pindaan Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 10 Tahun 2005 bertarikh 15 Ogos 2006 adalah dengan ini dibatalkan.

20. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

21. Garis panduan ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai **1 Januari 2013**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 18 OKTOBER 2012

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

Lampiran 1

Asas Pertimbangan Yang Digunakan Bagi Pembayaran Honorarium Di Bawah **Para 15 Garis Panduan** ini adalah seperti berikut:

(a) Pematuhan Kepada Perenggan 57(1)(b) Akta Dan Perintah Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) Di Bawah Subseksyen 57(1A) Akta

Pindahan ke KWRS daripada untung bersih teraudit bagi tahun itu hendaklah dipatuhi oleh koperasi sepertimana kehendak perenggan 57(1)(b) Akta atau tertakluk kepada Perintah yang berkuat kuasa.

(b) Pematuhan Kepada Pekeliling Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2009 – Panduan Mengenai Penyenggaraan KWRS

Mengikut pekeliling ini, koperasi diminta mengasingkan KWRS ke dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah tidak tercagar bagi mewakili KWRS. Bagi maksud ini, koperasi hendaklah memastikan amaun minimum aset yang mewakili KWRS ialah **15%** daripada jumlah KWRS pada setiap masa.

(c) Pematuhan Kepada Subseksyen 57(2) Akta Koperasi 1993

Bayaran caruman semasa kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi hendaklah dibayar oleh koperasi. Sekiranya koperasi yang mempunyai tunggakan bayaran bagi kedua-dua kumpulan wang tersebut, ia hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum permohonan honorarium ini diproses untuk perakuan kelulusan.

(d) Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) Atau Tabung Pinjaman Koperasi Kredit (TPKK)

Koperasi tidak mempunyai sebarang tunggakan bayaran balik ke atas pinjaman TMP atau TPCK dan mematuhi jadual bayaran seperti dalam perjanjian. Sekiranya koperasi yang mempunyai tunggakan bayaran balik, ia hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum permohonan pembayaran honorarium ini diproses untuk perakuan kelulusan.

(e) Bayaran Fi Audit Suruhanjaya Dan Kompaun

Koperasi tidak mempunyai tunggakan bayaran fi audit Suruhanjaya dan kompaun yang belum dijelaskan. Sekiranya ada tunggakan atau bayaran yang belum dijelaskan, ia hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum permohonan pembayaran honorarium ini diproses untuk perakuan kelulusan.

(f) Pulangan Atas Ekuiti (Syer Dan Yuran Anggota) Dan Pulangan Atas Aset

Pulangan atas ekuiti mengukur keberkesanan koperasi dalam menjanakan pendapatan daripada dana anggota. Manakala pulangan atas aset bagi mengukur kecukupan koperasi dalam menghasilkan keuntungan daripada penggunaan setiap aset koperasi.

Jika pulangan atas ekuiti dan aset berada pada trend meningkat dan stabil, ini menunjukkan anggota Lembaga adalah efisien dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Bagi maksud ini, pulangan minimum bagi ekuiti ialah **8%** dan aset ialah **6%**.

(g) Laporan Juruaudit

Laporan Juruaudit ke atas penyata kewangan teraudit adalah laporan audit bersih (tanpa syarat). Jika ia laporan bersyarat, perkara yang diberi teguran adalah tidak memberi kesan material atau signifikan kepada akaun khususnya ke atas keuntungan bersih koperasi atau kebertanggungjawaban anggota Lembaga berkaitan pengurusan akaun atau kewangan dan juga pematuhan kepada perundangan koperasi. Sekiranya ada perkara material dan kelemahan penyenggaraan buku dan rekod akaun serta pelanggaran perundangan, koperasi hendaklah mengambil kira kesannya agar honorarium yang dicadangkan berasaskan keuntungan sebenar.

Contoh perkara yang memberi kesan material ialah pengiktirafan pendapatan yang tidak menepati piawaian, tidak membuat peruntukan hutang ragu ke atas penghutang atau tidak membuat rasotnilai ke atas pelaburan syer.

(h) Pandangan Suruhanjaya Di Bawah Subseksyen 59(2) Akta

Pandangan Suruhanjaya yang bersih (tiada isu) atau sekiranya ada isu, ia tidak memberi kesan material kepada akaun khususnya ke atas keuntungan bersih koperasi atau kebertanggungjawaban anggota Lembaga berkaitan pengurusan akaun atau kewangan dan juga pematuhan terhadap perundangan koperasi. Sekiranya ada perkara material dan kelemahan penyenggaraan buku dan rekod akaun serta pelanggaran perundangan koperasi, maka koperasi hendaklah mengambil kira kesannya agar honorarium yang dicadangkan berasaskan prestasi sebenar.

(i) Pematuhan Kepada Subseksyen 59(2A) - Pelarasan Kewangan (jika ada)

Semua pandangan Suruhanjaya yang mempunyai kesan kewangan terhadap akaun teraudit dan kunci Kira-Kira koperasi sebelumnya hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya oleh koperasi dan ditunjukkan dengan jelas

dalam akaun teraudit koperasi dalam tahun kewangan berikutnya. Antara pelarasan kewangan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pelarasan akibat kesilapan perkiraan atau pindahan pembahagian berkanun bagi tahun sebelumnya;
- (ii) pembahagian kepada lain-lain perkara (honorarium dan pelbagai kumpulan wang) melebihi baki keuntungan selepas pembahagian berkanun;
- (iii) cadangan atau pembayaran kepada dividen yang tidak mematuhi perundangan; atau
- (iv) kesilapan perlakuan perakaunan dan pelanggaran Akta yang memberi kesan ketara iaitu melebihi **5%** daripada untung bersih.

(j) Prestasi Dan Keuntungan Koperasi

Koperasi mempunyai prestasi dan keuntungan yang stabil serta ada peningkatan dalam pendapatan atau perolehan di mana sekurang-kurangnya **80%** daripada jumlah pendapatan adalah daripada aktiviti koperasi. Sekiranya jumlah honorarium yang dicadangkan pada tahun semasa adalah meningkat berbanding tahun sebelumnya, maka perlu diambilkira peningkatan untung bersih semasa ataupun peningkatan perolehan. Peratus peningkatan hendaklah sama atau lebih tinggi berbanding peratus peningkatan cadangan honorarium.

Di samping itu, pendapatan yang diperoleh oleh koperasi adalah pendapatan yang sebenar dan bukannya pendapatan yang tidak sepatutnya akibat kesilapan dalam perlakuan perakaunan dan pelanggaran Akta seperti dinyatakan di perenggan i (iv) di atas. Contohnya, mengiktiraf perolehan geran atau bantuan daripada mana-mana pihak atau keuntungan jualan aset tetap (tanah dan bangunan) dalam Akaun Untung Rugi.

(k) Kedudukan Kecairan

Koperasi hendaklah mempunyai kedudukan kecairan yang memuaskan dan mencukupi untuk menanggung liabilitinya. Jumlah honorarium yang dicadangkan oleh koperasi hendaklah munasabah dan tidak akan menjejaskan operasi perniagaan dan kedudukan kewangannya. Koperasi hendaklah mempunyai **nisbah semasa** sekurang-kurangnya pada kadar **1:1** setelah mengambilkira cadangan dividen dan honorarium.

Dalam hal ini juga, komponen aset semasa sewajarnya paling minimum **15%** diwakili oleh aset cair atau mudah cair.

(l) Kecukupan Peruntukan Bagi Hutang Ragu, Hutang Lapuk Dan Rosotnilai Pelaburan

Koperasi hendaklah mewujudkan peruntukan yang mencukupi bagi hutang ragu, hutang lapuk dan rosotnilai pelaburan supaya Kunci Kira-Kira dapat memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi. Perkara ini adalah selaras dengan seksyen 56 Akta. Kegagalan untuk mewujudkan peruntukan hutang ragu, hutang lapuk dan rosotnilai pelaburan yang mencukupi akan menunjukkan keuntungan yang tidak munasabah.

Bagi koperasi yang menjalankan aktiviti kredit, pematuhan kepada Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 15 Tahun 2005 (Garis Panduan Bagi Mengklasifikasikan Pinjaman Tak Berbayar dan Peruntukan bagi Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu) atau perundangan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

(m) Pelarasan Operasi Dan Bukan Operasi

Jika ada pelarasan operasi dan bukan operasi di Akaun Pembahagian Keuntungan, pelarasan-pelarasan tersebut hendaklah mengikut perlakuan perakaunan sepertimana dalam Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2005 - Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan Koperasi atau apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya berkaitan piawaian perakaunan dan bentuk pelaporan penyata kewangan.

(n) Rizab Masa Hadapan

Koperasi perlu memindahkan sekurang-kurangnya **10%** daripada baki keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun dan lain-lain pembahagian sebagai rizab bagi tujuan keperluan perniagaan dan aktiviti masa hadapan. Sekiranya keuntungan terkumpul koperasi sedia ada dan lain-lain kumpulan wang atau tabung mewakili **25%** daripada kumpulan wang anggota, maka pindahan **10%** di atas adalah tidak tertakluk.

PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2009

PANDUAN MENGENAI PENYENGGARAAN

KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

- Tujuan
- Takrif
- Latar Belakang
- Arahan Penyenggaraan
- Pemantauan
- Pemakaian Dan Tarikh Kuat kuasa





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2009

PANDUAN MENGENAI PENYENGGARAAN KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

TUJUAN

1. Pekeliling ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 bagi tujuan memberikan panduan kepada semua koperasi berkaitan penyenggaraan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS).

TAKRIF

2. Bagi maksud Pekeliling ini:

“Kumpulan Wang Rizab Statutori” ertinya suatu kumpulan wang yang disenggara oleh tiap-tiap koperasi menurut subseksyen 57(1) daripada keuntungan bersih teraudit setiap tahun.

“aset cair atau mudah cair” ertinya aset yang mudah ditukarkan dengan segera menjadi tunai.

LATAR BELAKANG

3. Melalui pemerhatian ke atas akaun-akaun koperasi teraudit, didapati kebanyakan koperasi masih belum mewakili KWRSnya dengan aset-aset tertentu. Memandangkan tujuan KWRS diwujudkan ialah untuk kepentingan memelihara kewibawaan pengurusan kewangan serta keutuhan kewangan sesebuah Koperasi, maka adalah amat penting ia diasing dan dilaburkan dalam aset-aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin.

ARAHAN PENYENGGARAAN

4. Oleh yang demikian, pihak koperasi diminta mengasingkan KWRS ke dalam bentuk **aset cair atau mudah cair** yang **selamat dan terjamin** seperti **deposit tetap** ataupun **pelaburan mudharabah** bagi mewakili KWRS.
5. Aset-aset KWRS perlu ditunjukkan di bawah tajuk **“Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori”** dalam Kunci Kira-Kira koperasi.

PEMANTAUAN

6. Jawatankuasa Audit Dalam koperasi adalah dikehendaki memantau pelaksanaan pekililing ini supaya hasrat penubuhan KWRS tercapai.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

7. Semua koperasi dikehendaki mematuhi Pekililing ini dan dikuat kuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"


(DATO' MANGSOR BIN SAAD)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 4/8/2009

"Peneraju Kecemerlangan Koperasi"

- Tujuan
- Tafsiran
- Peruntukan Perundangan
- Syarat Untuk Pembayaran Syer Dan Yuran
- Catatan Perakaunan
- AM
- Jawatankuasa Audit Dalam
- Pemakaian Dan Tarikh Kuat kuasa

- Tujuan
- Tafsiran
- Peruntukan Perundangan
- Syarat Untuk Pembayaran Syer Dan Yuran
- Catatan Perakaunan
- AM
- Jawatankuasa Audit Dalam
- Pemakaian Dan Tarikh Kuat kuasa

A	B	A+B
1	3	4
2	8	10



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2011

PENGUNAAN KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI BAGI PEMBAYARAN SYER ATAU YURAN ANGGOTA DI BAWAH PERENGGAN 57(1B) (a) AKTA KOPERASI 1993

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk menetapkan tatacara dan perlakuan perakaunan berkenaan dengan pembayaran bagi syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS).

TAFSIRAN

2. “Syer” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993;
3. “Yuran” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993;
4. “Kumpulan Wang Rizab Statutori” mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993.

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

5. Di bawah perenggan 57(1B)(a) Akta Koperasi 1993, KWRS boleh digunakan -
 - (a) **tertakluk kepada peraturan-peraturan atau undang-undang kecil, bagi membayar syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota koperasi**
6. Berdasarkan kepada peraturan 27 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, koperasi boleh membuat pembayaran balik syer dan yuran daripada KWRS tetapi baki dalam **(kumpulan wang ini hendaklah pada setiap masa tidak kurang daripada 15% daripada jumlah syer dan yuran)** koperasi berkenaan.

SYARAT UNTUK PEMBAYARAN SYER DAN YURAN

7. Bagi membolehkan koperasi menggunakan KWRS untuk membuat pembayaran syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota, koperasi dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) mewujudkan dan memindahkan sekurang-kurangnya 5% daripada keuntungan bersih tahun semasa setiap tahun ke Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS). Sekiranya KWPS telah mencapai 50% daripada jumlah modal syer anggota, maka pindahan kepada KWPS adalah secara sukarela’;

- (b) mengguna Kumpulan Wang Penebusan Syer terlebih dahulu sebelum menggunakan KWRS untuk membayar balik syer anggota;

¹ Syarat ini dikecualikan bagi koperasi yang KWRSnya sentiasa melebihi 100% daripada jumlah modal syer dan yuran.

- (c) mewakili KWRS sekurang-kurangnya 25% dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah sepertimana kehendak Pekeliling SKM Bilangan 1 Tahun 2009; dan
- (d) koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu.

CATATAN PERAKAUNAN

8. Perlakuan perakaunan (accounting treatment) berkenaan dengan pembayaran bagi syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) adalah seperti di **Lampiran 1**.

AM

9. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam pekeling ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

10. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah memastikan tatacara dan perlakuan perakaunan yang ditetapkan bagi pembayaran syer atau yuran anggota daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) dipatuhi.


PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

11. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah, garis panduan dan pekeling yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

12. Pekeliling ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: **06 OCT 2011**

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

Lampiran 1

1. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi pembayaran balik syer kepada anggota daripada KWRS ialah:

Debit :		KWRS	xx	
	Kredit :	Bank		xx
Debit :		Modal Syer Anggota	xx	
	Kredit :	Modal Syer Ditebus(KWRS)		xx

2. Modal Syer Ditebus oleh koperasi boleh dijual semula kepada anggota baru atau anggota sedia ada yang menambah syer dan catatan perakaunan yang terlibat ialah:

Debit :		Bank	xx	
	Kredit :	KWRS		xx
Debit :		Modal Syer Ditebus(KWRS) #	xx	
	Kredit :	Modal Syer Anggota		xx

Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah:
Debit - Bank dan Kredit - Modal Syer.

3. Modal Syer yang ditebus juga boleh diterbitkan semula sebagai syer bonus dengan kelulusan mesyuarat agung sepertimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil seragam. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi penerbitan syer bonus tersebut ialah:

Debit :		Modal Syer Ditebus (KWRS)	xx	
	Kredit :	Syer Bonus		xx

4. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi pembayaran balik yuran kepada anggota daripada KWRS ialah:

Debit :		KWRS	xx	
	Kredit :	Bank		xx
Debit :		Modal Yuran Anggota	xx	
	Kredit :	Modal Yuran Ditebus (KWRS)		xx

5. Modal Yuran Ditebus boleh digunakan semula kepada anggota yang menambah yuran dan catatan perakaunan yang terlibat ialah:

Debit :		Bank	XX	
	Kredit :	KWRS		XX
Debit :		Modal Yuran Ditebus (KWRS) #	XX	
	Kredit :	Modal Yuran Anggota		XX

Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah: Debit - Bank dan Kredit - Modal Yuran.



PEKELILING BILANGAN 2 TAHUN 2011 PENERBITAN SYER BONUS DARIPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI DI BAWAH PERENGGAN 57(1B)(b) AKTA KOPERASI 1993

- Tujuan
- Tafsiran
- Peruntukan Perundangan
- Terma Dan Syarat Untuk Pembayaran Syer Bonus
- Kaedah Penerbitan Dan Pengeluaran Syer Bonus
- Kaedah Penebusan Syer Bonus
- Catatan Perakaunan
- Am
- Pemakaian Dan Tarikh Kuat kuasa





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PEKELILING BILANGAN 2 TAHUN 2011

PENERBITAN SYER BONUS DARIPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI DI BAWAH PERENGGAN 57(1B)(b) AKTA KOPERASI 1993

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan di bawah perenggan 86b Akta Koperasi 1993 untuk menetapkan terma dan syarat bagi menerbitkan syer bonus kepada anggota koperasi daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) serta perlakuan perakaunan berkenaannya.

TAFSIRAN

2. "Syer Bonus" bermaksud syer tambahan yang diberikan secara percuma kepada pemegang syer sedia ada berasaskan jumlah syer yang dipegang;
3. "Kumpulan Wang Rizab Statutori" mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993.

PERUNTUKAN PERUNDANGAN

4. Di bawah perenggan 57(1b)(b) Akta Koperasi 1993, KWRS boleh digunakan-
 - (b) **dengan kelulusan Suruhanjaya dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, bagi menerbitkan syer bonus kepada anggota koperasi itu.**

TERMA DAN SYARAT UNTUK PEMBAYARAN SYER BONUS

5. Bagi membolehkan koperasi menggunakan KWRS untuk menerbitkan syer bonus kepada anggotanya, koperasi perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahuludaripada Suruhanjaya dan dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) KWRS hendaklah melebihi 75% daripada jumlah modal syer dan yuran pada tarikh permohonan (akaun teraudit yang terkini);
 - (b) Koperasi hendaklah memastikan 100% KWRSnya adalah dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah sepertimana kehendak Pekeliling SKM Bilangan 1 Tahun 2009;

- (c) Koperasi perlu menghapuskira kerugian terkumpulnya terlebih dahulu;
- (d) Buku-buku dan rekod-rekod perakaunan koperasi perlu disenggarakan dengan memuaskan dan kemaskini; dan
- (e) Daftar Syer Bonus hendaklah disenggara oleh koperasi.

6. Baki KWRS selepas penerbitan syer bonus hendaklah pada setiap masa tidak kurang daripada 75% jumlah modal syer dan yuran anggota. Ini bermakna koperasi hanya boleh menggunakan lebih daripada 75% untuk menerbit syer bonus. Contohnya, sekiranya amaun KWRS koperasi adalah 100% daripada modal syer dan yuran anggota, maka koperasi hanya boleh menggunakan lebih sebanyak 25% untuk menerbit syer bonus.

KAEDAH PENERBITAN DAN PENGELUARAN SYER BONUS

7. Koperasi yang menerbit dan mengeluarkan syer bonus di bawah perenggan 57(1b)(b) Akta Koperasi 1993 perlu memastikan:

- (a) syer bonus hanya dibayar kepada anggota yang namanya ada dalam daftar anggota pada tarikh pengisytiharan syer bonus; dan
- (b) syer bonus dibayar berasaskan kepada syer-syer yang dipegang oleh anggota pada masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus.

KAEDAH PENEBUSAN SYER BONUS

8. Penebusan syer bonus hendaklah dibuat melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus yang boleh diwujudkan daripada:

- (a) Akaun Rizab Modal hasil daripada jualan tanah dan bangunan sebagai aset tetap di bawah perenggan 55(1)(a); dan
- (b) keuntungan bersih teraudit tahun semasa.

9. Syer bonus yang ditebus boleh diterbitkan semula sebagai syer bonus kepada anggota.

10. Syer bonus yang diterbit semula daripada syer bonus yang ditebus hendaklah berasaskan kepada syer-syer yang dipegang oleh anggota pada masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus.

CATATAN PERAKAUNAN

11. Tatacara perakaunan (*accounting treatment*) berkenaan dengan penerbitan, pembayaran dan penerbitan semula syer bonus daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) adalah seperti di **Lampiran 1**.

AM

12. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam pekeling ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

13. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah, garis panduan dan pekeling yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

14. Pekeling ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: **06 OCT 2011**

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

Lampiran 1

1. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi penerbitan syer bonus kepada anggota daripada KWRS ialah:

Debit :		KWRS	xx	
	Kredit :	Syer Bonus		xx

2. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi pembayaran syer bonus kepada anggota daripada KWRS ialah:

Debit :		KWPS	xx	
	Kredit :	Bank		xx
Debit :		Syer Bonus	xx	
	Kredit :	Syer Bonus Ditebus		xx

3. Syer bonus yang ditebus oleh koperasi boleh diterbitkan semula sebagai syer bonus kepada anggota-anggotanya. Catatan perakaunan yang terlibat bagi transaksi penerbitan syer bonus tersebut ialah:

Debit :		KWRS	xx	
	Kredit :	Syer Bonus		xx

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2014

KEMASUKAN MAKLUMAT KEWANGAN
TERAUDIT KE DALAM MODUL KEWANGAN
SISTEM APLIKASI *ONLINE* SURUHANJAYA
KOPERASI MALAYSIA

- Tujuan
- Latar Belakang
- Kaedah Pelaksanaan
- Pemakaian Dan Tarikh Kuat kuasa





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2014

KEMASUKAN MAKLUMAT KEWANGAN TERAUDIT KE DALAM MODUL KEWANGAN SISTEM APLIKASI *ONLINE* SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 (Akta) yang mengkehendaki koperasi memasukkan maklumat kewangan teraudit ke dalam Modul Kewangan Sistem Aplikasi Online Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya).

LATAR BELAKANG

2. Maklumat prestasi kewangan sesebuah koperasi adalah penting untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan pemantauan dan pengawal seliaan dengan lebih cekap dan berkesan seiring dengan arus kepesatan dan transformasi ekonomi Negara. Maklumat ini juga boleh digunakan untuk menentukan lanskap gerakan koperasi ke arah memantapkan lagi kestabilan dan kelestariannya.

3. Menurut perenggan 14(1)(c) Akta, tiap-tiap koperasi hendaklah menyerahkan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya berkenaan dengan penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan **keadaan kewangan koperasi itu**, termasuk minit mesyuarat Lembaga.

4. Bagi maksud tersebut, Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online* telah dibangunkan supaya koperasi dapat melaporkan maklumat kewangan teraudit kepada Suruhanjaya dengan lebih pantas, tepat dan sistematik.

KAEDAH PELAKSANAAN

5. Bermula daripada tarikh kuatkuasa surat pekeling ini, semua koperasi dikehendaki melaporkan maklumat kewangan terauditnya bagi setiap tahun kewangannya dengan menggunakan Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online*.

6. Koperasi dikehendaki melayari laman sesawang Suruhanjaya di **www.skm.gov.my** dan memilih pautan Perkhidmatan Atas Talian bagi tujuan kemasukan maklumat kewangan teraudit ke dalam Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online* dengan mencipta kata laluan baharu atau menggunakan kata laluan sedia ada.

7. Koperasi hendaklah memastikan maklumat kewangan terauditnya dimasukkan ke dalam Modul Kewangan Sistem Aplikasi *Online* dalam tempoh **lima belas hari** selepas koperasi menerima penyata kewangan teraudit daripada juruaudit yang dilantik.

8. Bagi mempermudah pelaksanaan kemasukan maklumat kewangan teraudit ke dalam modul tersebut, koperasi boleh menggunakan perkhidmatan juruaudit berkenaan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

9. Suruhanjaya boleh mengambil tindakan sebagaimana peruntukan di bawah perenggan 14(2)(a) dan 14(2)(b) Akta ke atas mana-mana koperasi yang gagal untuk mematuhi Surat Pekeliling ini.

10. Surat Pekeliling ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai **10 April 2014**.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1MALAYSIA"

"RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"



(DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

10 April 2014

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2019

ARAHAN MENDEPOSIT KE DALAM AKAUN DEPOSIT KOPERASI





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2019

ARAHAN MENDEPOSIT KE DALAM AKAUN DEPOSIT KOPERASI

Pada menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) di bawah subseksyen 43(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] dan subseksyen 57(1E) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta 665, saya, Datuk Nordin bin Salleh, Pengerusi Eksekutif, **Suruhanjaya dengan ini menentukan bahawa koperasi hendaklah menandatangani Kumpulan Wang Rizab Statutori** sepertimana dinyatakan dalam Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori yang sedang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya bermula tahun kewangan berakhir Disember 2018 dan tahun-tahun kewangan berikutnya ke dalam Akaun Deposit Koperasi.

2. Koperasi hendaklah menandatangani Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam Akaun Deposit Koperasi dalam tempoh enam (6) bulan selepas tahun kewangan koperasi itu berakhir **sepertimana subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014**. Walau apa pun, koperasi boleh menandatangani sejumlah amaun melebihi Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam Akaun Deposit Koperasi.

Bertarikh : 12 Ogos 2019
No. Rujukan : SKM.IP(AM)7965 SJ 5 (6)


(DATUK NORDIN BIN SALLEH)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2021
PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG
AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2021

PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **DATUK NORDIN BIN SALLEH, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan peratus (%) daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperoleh oleh tiap-tiap koperasi (tidak termasuk koperasi sekolah)** sebagai jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<i>Untung Bersih Teraudit (RM)</i>	<i>Kadar Peratus</i>
0-49,999	0%
50,000 dan ke atas	2%

2. Dengan berkuatkuasanya Arahannya ini, Arahannya Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 1 Tahun 2016 bertarikh 23 Jun 2016 masih terpakai sehingga tahun kewangan berakhir 30 November 2021.

Bertarikh : 13 April 2021

No. Rujukan : SKM.IP.(AM) 7964 SJ.5 Jilid 2 (19)


(DATUK NORDIN BIN SALLEH)
 Pengerusi Eksekutif
 Suruhanjaya Koperasi Malaysia

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2021

**PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG
AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI**





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2021

PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(2)(b) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **DATUK NORDIN BIN SALLEH, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan peratus (%) daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperoleh oleh tiap-tiap koperasi (tidak termasuk koperasi sekolah)** sebagai jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<i>Untung Bersih Teraudit (RM)</i>	<i>Kadar Peratus</i>
0-49,999	0%
50,000 dan ke atas	1%

2. Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 23 Jun 2016 masih terpakai sehingga tahun kewangan berakhir 30 November 2021.

Bertarikh : 13 April 2021

No. Rujukan : SKM.IP.(AM) 7964 SJ.5 Jilid 2 (20)


(DATUK NORDIN BIN SALLEH)
 Pengerusi Eksekutif
 Suruhanjaya Koperasi Malaysia

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
BILANGAN 3 TAHUN 2021
ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN
WANG RIZAB STATUTORI





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2021

ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(1A) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **HAJI ZAZALI BIN HARON**, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa tiap-tiap koperasi hendaklah memindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) tidak kurang daripada lapan peratus (8%) daripada untung bersih teraudit mulai tahun kewangan berakhir **31 Disember 2021 sehingga 30 November 2022** kecuali koperasi yang amaun Kumpulan Wang Rizab Statutorinya adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran. Arahkan penguatkuasaan pemindahan KWRS yang tidak kurang daripada lima belas peratus daripada untung bersih teraudit akan dikuatkuasa semula mulai tahun kewangan 31 Disember 2022.

Bertarikh **24** Disember 2021

No. Rujukan : SKM/IP (AM) 7964 SJ.5 Jilid 2 (36)

(HAJI ZAZALI BIN HARON)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-2083 4000 | Faks : 03-2083 4100

www.skmm.gov.my